AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 3 | RABU 15 JANUARI, 1986 | رابو 4 جمادي الاول 1406 | PERCUMA


# PADUKA SERI BEGAWAN MELAWAT KAPAL PERANG SWEDEN

Oleh Ahat Ismail

MUARA. — Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, telah berkenan berangkat bercemarduli melawat kapal perang Diraja Sweden HMSS CARLSKRONA, yang mengadakan kunjungan tiga hari ke negara ini Isnin lepas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan ke kapal tersebut diiringi oleh Yang Amat Mulia 2nd Leftanan Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah dan dijunjung oleh Duta Besar Sweden ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Nils Viktor Arnold, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, Pemerintah Kapal HMSS CARLSKRONA Kaptan Gustaf Af Kunt dan Pemerintah Tentera Laut, Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Leftenan Kolonel Dato Paduka Kifli serta seterusnya berkenan menerima 'Tabik Hormat' dari sembilan orang anggota kadet.

Kemudian, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan dijunjung berangkat melawat secara dekat sekitar kapal tersebut di samping memerhatikan peralatan yang terdapat di dalamnya.

Selain dijunjung melawat dan memerhatikan peralatan yang terdapat pada kapal tersebut, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan juga telah dipersembahkan taklimat ringkas mengenai peranan kapal itu dan dipersembahkan dengan sebuah cenderamata kenangan yang disampaikan oleh Kaptan Gustaf Af Kunt.

Sebelum berangkat pulang, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan kemudiannya berkenan menandatangani buku lawatan.

Awal dari itu Pemerintah Kapal HMSS CARLSKRONA, Kaptan Gustaf Af Kunt, telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad di Perkhemahan Berakas.

Kapal perang HMSS CARLSKRONA merupakan salah sebuah kapal terbesar dalam Pasukan Tentera Laut Sweden.

Sebelum tiba ke negara ini HMSS CARLSKRONA singgah di Pelabuhan Klang di Malaysia. Kapal yang mengandungi 206 anak buah termasuk 109 orang anggota kadet itu adalah dalam rangka pelayaran ke beberapa buah negara di Asia. Mereka memulakan pelayaran dari Pelabuhan Karlsrona bermula pada 6 Disember tahun lepas.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan berbual mesra dengan Pemerintah Kapal HMSS CARLSKRONA Kapten Gustaf Af Kunt. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## PETIKAN TITAH

**"Bagi mempastikan pendidikan yang sempurna yang berasaskan ajaran-ajaran Al-Quran maka ketinggian ilmu pengetahuan hendaklah digandingi oleh kemuliaan budi pekerti supaya dengan yang demikian tercapailah pendidikan yang bermanfaat kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam melalui tenaga manusia yang jujur lagi ikhlas."**

# Pengabadian arca bukti perpaduan negara ASEAN

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berharap enam arca negara-negara ASEAN di Persiaran Damuan akan menjadi simbol penyataan dan cita-cita negara-negara ASEAN yang cintakan keamanan, perpaduan, kerjasama, kemakmuran dan persefahaman yang berasaskan dasar hormat menghormati.

Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya ketika merasmikan Simposium Arca ASEAN keempat pada pagi Khamis lepas di Persiaran Damuan, Batu Tiga Jalan Tutong juga berkata, bahawa pengabadian arca-arca berkenaan di negara ini merupakan bukti solidariti negara-negara ASEAN.

"Arca-arca yang akan dihasilkan bukanlah semata-mata sebagai bentuk-bentuk yang aesthethik tetapi lebih penting ialah arca-arca itu merupakan simbol penyataan dan cita-cita negara-negara ASEAN yang cintakan keamanan, perpaduan kerjasama, kemakmuran dan persefahaman yang berasaskan atas dasar hormat menghormati," katanya.

Beliau berharap orang ramai akan sama-sama bertanggungjawab memelihara keindahan alam sekitar kawasan persiaran itu.

"Kita tidak mahu melihat unsur-unsur 'vandalism' dan anti sosial mencemari tempat yang harmoni dan indah ini. Anggaplah enam buah arca itu nanti sebagai lambang enam negara-negara ASEAN," ujarnya.

## Buku undang-undang untuk dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Undang-Undang mengumumkan bahawa terbitan baru buku Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang telah disemak dan disusun semula dan telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1986 kini dijual dan boleh didapati dari Pejabat Peguam Negara atau daripada Pengarah Percetakan.

Buku-buku tersebut dicetak dalam bentuk loose-leaf iaitu dalam bentuk fail atau jilid bercurai dan juga beberapa naskah dalam bentuk tradisi iaitu bound volume atau berjilid.

Ianya disusun dalam 10 volume bagi tiap-tiap satu set dan dijual kepada orang ramai dengan harga $2,500 bagi set yang berjilid (bound volume) dan $2,000 bagi jilid bercurai (loose-leaf system).

# MBB perlu bergerak lebih aktif

Oleh Dk. Fatimah PHMN.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam — MBB diingatkan bahawa sudah sampai masanya kini ianya menjadi pendorong kepada belia-belia negara ini untuk menyertai aktiviti-aktiviti ke arah yang lebih berkesan dan positif bagi pembangunan negara atau 'nation building'.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim bersabda untuk itu MBB perlu bergerak lebih aktif dan berusaha mendalami lagi ilmu pengetahuan demi membuktikan bahawa kita bukan hanya berkebolehan mempunyai jiwa kepimpinan tetapi juga sebagai belia penggerak cahaya bangsa Brunei dan mampu menyumbangkan sesuatu kepada dunia antarabangsa.

Bersabda ketika merasmikan Kongres Agung Perwakilan Belia yang berlangsung di Dewan Pusat Belia di ibu negara pada hari Ahad lepas, Yang Amat Mulia menyatakan, pencapaian usia ke-25 tahun MBB ketika ini adalah jangka masa yang begitu lama dan mendalam membuktikan bahawa belia negara ini telah dewasa sudah tentunya berkewajipan bukan hanya terhadap diri sendiri malah terhadap bangsa dan negara baik di lapangan sosial, politik, ekonomi dan kehormatan diri.

Katanya, "Belia yang mengembang pada zaman ini hendaknya tidak lagi mendabik dada dan hanya bergembira sebagai 'bunga bangsa' tetapi seharusnya menyedari dan menyiapkan diri sebagai 'darah putih' bagi badan bangsa dan bergerak aktif jangan hanya bangga dan khayal dikata tuturan 'pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara'."

Menyentuh tentang keanggotaan MBB ke beberapa badan antarabangsa seperti menjadi anggota Perhim-

Lihat muka 16

## MANISNYA IMAN

"DAN berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman dan yang mengerjakan pekerjaan yang baik-baik, sesungguhnya adalah bagi mereka itu Syurga-Syurga yang mengalir daripada bawahnya beberapa sungai, bilamana mereka itu di kurniakan rezeki buah-buahan, mereka berkata: "Ini rezeki seperti kita yang dahulu jua." Mereka diberi rezeki yang serupa warnanya (tetapi berlainan rasa) dan bagi mereka di dalam Syurga itu isteri-isteri yang suci serta mereka kekal di dalamnya."
-Makna ayat 25 Surah Al-Baqarah.

Pelita Brunei

15 JANUARI, 1986

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KE ARAH KESELAMATAN PENGANGKUTAN DI AIR

Perlaksanaan Undang-Undang Kapal Perdagangan telah pun bermula awal tahun ini. Undang-undang ini bukan saja ditujukan kepada kapal-kapal besar tetapi juga ke atas kenderaan-kenderaan kecil di air. Dalam jangka masa yang singkat ini mungkin kita sudah dapat menggambarkan bagaimana perjalanan awal undang-undang berkenaan. Pada mula ianya diumumkan memang terdapat beberapa keraguan di kalangan pemilik-pemilik serta para pengguna pengangkutan di air khususnya penambang-penambang. Dalam hubungan ini pertimbangan-pertimbangan terus dibincangkan hingga ke hari ini dan pro dan kontranya terus menjadi bahan perbualan umum. Penggubalan Undang-Undang Kapal Perdagangan ini adalah hasil dari perjumpaan-perjumpaan antara pihak-pihak berkenaan dengan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung serta penambang-penambang motosangkut hampir setahun lalu. Sudah sememangnyalah segala pro dan kontranya dibincangkan sama dalam pertemuan-pertemuan tersebut. Di samping itu pakar-pakar telah pun didatangkan dari luar negeri dan malah pegawai-pegawai Jabatan Laut sendiri telah dihantar keluar negeri untuk mengenal pasti kehendak-kehendak perlaksanaan undang-undang tersebut.

Di peringkat ini elok kita renung kembali beberapa peraturan yang terkandung dalam Undang-Undang Kapal Perdagangan ini, antaranya ialah keperluan bagi kelengkapan keselamatan hendaklah disediakan bagi setiap kenderaan di air, pemandu-pemandu mestilah memakai jaket keselamatan semasa bertugas, had penumpang adalah ditetapkan dan mestilah dipatuhi, lesen-lesen memandu hendakiah diperolehi sebelum seseorang itu boleh memandu kenderaan di air, had umur bagi seseorang pemandu ialah lapan belas tahun ke atas serta setiap kenderaan hendaklah mempunyai lampu isyarat khusus bagi penggunaan di waktu malam.

Undang-undang ini tidaklah memerlukan penelitian yang mendalam kerana ianya adalah jelas ditujukan ke arah menjamin keselamatan pengangkutan di air dan tentunyalah ada sebab yang menyebabkan undang-undang tersebut perlu dijalankan. Pada asasnya sejak lewat tahun 1981, kira-kira tujuh belas kejadian pelanggaran di air telah dilaporkan dengan mengorbankan tiga nyawa, dua belas orang lagi cedera. Mungkin ada yang beranggapan bahawa jumlah tersebut adalah kecil dan tidaklah mendesak bagi perlaksanaan undang-undang ini. Tetapi kehilangan satu nyawa bukanlah satu kehilangan kecil, di sebalik itu kita hanya perlu melihat sendiri keadaan kesesakan moto-moto tambang di Sungai Brunei terutamanya dengan melihat kesesakan tersebut kita akan berkesimpulan bahawa masanya sudah tiba untuk mewujudkan satu peraturan yang bersistematik. Kita tidaklah perlu menunggu sehingga berlakunya satu lagi malapetaka atau korban jiwa sebelum tindakan diambil dan kita tidak harus mengambil kira harga lesen umpamanya, yang hanya kecil jika dibandingkan dengan harga keselamatan yang dihasratkan.

Memanglah pada mulanya beberapa kerumitan akan timbul terutama sekali bagi tuan-tuan punya serta pemandu-pemandu kenderaan di air, tetapi kerumitan itu tidak semestinya menghalang mereka dari mematuhi peraturan yang telah pun dijalankan. Bukanlah dasar pihak berkuasa untuk menimbulkan kerumitan dan ada baiknya bagi sebarang keraguan dihadapkan sendiri kepada pihak-pihak berkenaan untuk sama-sama mengatasi sebarang kurang pemahaman yang mungkin timbul kerana kurang pemahaman tidaklah mungkin akan diterima sebagai alasan bagi tidak mematuhi undang-undang.

Adalah diharapkan bahawa dengan perlaksanaan undang-undang ini kita tidak lagi akan ragu-ragu atau bimbang mengenai keselamatan anak-anak kita, saudara-mara kita malah diri kita sendiri apabila menjejakkan kaki ke atas ruang moto tambang bagi perjalanan yang walaupun hanya untuk beberapa detik itu.

# K'JAAN SENTIASA BANTU ORANG-ORANG CACAT

Oleh Ahat Ismail

SERIA. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Seria/Kuala Belait, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abbas, berkata kepentingan, kebajikan dan nasib orang-orang cacat di negara ini sentiasa diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan katanya, sentiasa mengambil berat terhadap orang-orang cacat dengan memberikan pelbagai bantuan dari masa ke semasa.

Berucap di majlis meraikan kanak-kanak cacat Daerah Belait anjuran Kelab Ria Shell Brunei (BSRC) di sini menyatakan, "Kerajaan memberikan berbagai kemudahan dan bantuan dalam memimpin serta menjaga kepentingan mereka ini dengan mengadakan berbagai usaha semata-mata menjaga kepentingan dan nasib mereka.

Menyentuh mengenai usaha yang dibuat oleh BSRC itu, Pengiran Ali Hassan menyeru kelab-kelab, firma, kampung, dan orang-orang perseorangan di negara ini agar akan dapat mencontohi langkah yang diungkayahkan oleh BSRC demi kepentingan masyarakat dan negara.

"Kelab-kelab, dan persatuan-persatuan diserukan bahawa dalam kalendar kegiatan-kegiatan itu bukan saja ditumpukan kepada perkara sukan, kebudayaan dan lain-lain, tetapi juga patutlah mempunyai kalendar dalam memberikan bantuan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik," katanya lagi.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa majlis tersebut diungkayahkan bersama oleh BSRC dan Badan Kebajikan Kanak-Kanak Cacat Daerah Belait.

Menurut Yang Dipertua BSRC, Syed Mohammed Syed Haji Othman, BSRC telah memberikan sumbangan derma berupa wang tunai selain dari majlis yang diadakan pada pagi itu.

"Insya-Allah pada tahun 1986 ini kami akan berusaha lagi untuk mendapatkan sumbangan dan mengadakan majlis seperti ini, dan seterusnya kalau diizikan Allah kami akan mengadakannya pada tiap-tiap tahun," ujarnya.

Hampir 100 orang kanak-kanak cacat di daerah itu menghadiri majlis tersebut. Mereka dihiburkan dengan permainan-permainan pencaragam, nyanyian, permainan silap mata serta sukan kecil.

Turut menyerikan majlis tersebut persembahan pameran daripada Skuadron Kereta Perisai Peninjau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di luar pekarangan kelab berkenaan. Di pameran itu kanak-kanak cacat berpeluang mengenali secara dekat kemudahan dan peralatan tentera selain mendengar penerangan-penerangan daripada pegawai-pegawai ABDB.

Majlis pada pagi itu diakhiri dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada kanak-kanak cacat yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin. Selain menyampaikan hadiah-hadiah, beliau juga telah menerima sumbangan derma sejumlah $6,300 daripada BSRC bagi tabung orang-orang cacat daerah tersebut.



PESURUHJAYA Tinggi Australia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan John Macartney Starey ketika menyerahkan kunci kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# MAJLIS PENYERAHAN KERETA

PULAIE. — Majlis penyerahan sebuah kereta untuk kegunaan orang-orang cacat di Pusat Latihan dan Bimbingan telah berlangsung di kawasan letak keretanya di sini Rabu lepas.

Kereta jenis Mazda 323 LX 1.3 dengan nombor pendaftaran BG 6009 itu adalah hasil sumbangan daripada Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini.

Penyerahannya telah dilakukan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Macartney Starey kepada Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan telah disaksikan oleh Pegawai-Pegawai Kanan di jabatan berkenaan.

# LATIHAN MENEMBAK DI BINTURAN

UNIT-Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjalankan latihan menembak dengan menggunakan peluru-peluru hidup di Padang Tembak Binturan selama dua hari mulai hari ini, Rabu 15 Januari. Latihan tersebut bermula dari jam 9.00 pagi hingga 12.45 tengah malam.

Dari itu penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan tersebut adalah dinasihatkan supaya menjauhi kawasan berkenaan semasa latihan dijalankan.



SKUADRON Kereta Perisai juga turut meraikan kanak-kanak cacat dengan mengadakan pameran peralatan tentera. Kelihatan seorang kanak-kanak berpeluang melihat cara dekat kereta perisai ABDB. — Gambar oleh Amat Moksin.

## Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 5 Ogos, 1966 mencatatkan bahawa peranan belia di negara ini, melalui Majlis Pemuda-Pemudi Negeri Brunei (sekarang dikenali sebagai Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam) sebagai pusat geliganya, adalah suatu perkara yang merupakan kesedaran yang dinamik dan patut mendapat pujian.

Antara gerakan yang telah dilancarkan oleh Majlis Pemuda-Pemudi Negeri Brunei itu termasuklah galakan dalam bidang sukan, pelajaran dan ekonomi yang mana galakan yang akhir ini telah mendapat sanjungan dari pihak gerakan belia seluruh dunia.

Dari pandangan anhangsa belia-belia tanahair dan masyarakat Brunei amnya boleh berbangga dengan kesediaan majlis ini untuk hadir sama dalam persidangan anjuran Pertubuhan Belia Sedunia (WAY World Assembly of Youth) yang diadakan di Tokyo Ogos ini, yang mana juga dihadiri oleh perwakilan-perwakilan belia dari seluruh dunia.

Ketegasan Majlis Pemuda-Pemudi Negeri Brunei ini adalah seimbang dengan keadaan masa yang mana lebih 60 peratus daripada penduduk negara ini adalah terdiri dari mereka yang berumur lingkungan belia. Dalam pada itu perlu diingatkan kecergasan belia negara ini tegasnya Majlis Pemuda-Pemudi janganlah disifatkan usaha yang akhir kerana ini bukanlah matlamat yang dituju.

## Brunei Darussalam dalam kenangan

KENDERAAN bermotor mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1920an. Mengikut catatan dalam Laporan Tahunan Negeri Brunei 1927 bahawa terdapat 27 buah jenis kenderaan bermotor yang telah didaftarkan di negara ini sehingga penghujung tahun 1926. Di samping itu pula terdapat seramai 38 orang penduduk negara ini yang memiliki lesen memandu. Bilangan jenis kenderaan yang dimiliki itu pula di antaranya ialah 6 buah jenis kereta sewa, sebuah bas, 7 buah kereta persendirian, 2 buah lori dan 5 buah jenis kenderaan motorsikal.

# SEKTOR K'JAAN DAN SWASTA DISERU BERI KERJASAMA LAKSANA RKN

Oleh Dk. Fatimah PHMN.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sektor-sektor Kerajaan dan Persendirian diseru supaya mengambil langkah yang penting berkerjasama untuk melaksanakan dengan berjaya Rancangan Kemajuan Negara Kelima, Negara Brunei Darussalam. Usaha-usaha sedemikian adalah bagi membena bangsa dengan tujuan mempertingkatkan lagi kesempurnaan hidup rakyat di samping memperkukuhkan ekonomi dan sosial negara.

Perkara tersebut ditekankan oleh Pemangku Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Awang Chua Pheng Siong semasa menggariskan beberapa matlamat utama Rancangan Kemajuan Negara Kelima kepada lebih 70 orang timbalan-timbalan dan penolong-penolong ketua-ketua jabatan kerajaan pada 9 Januari lepas bertempat di Bilik Taklimat Unit Perancang Ekonomi di sini.

Kerana itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama sentiasa menghulurkan kerjasama bagi kejayaan rancangan ini di samping melahirkan pemikiran-pemikiran baru dan kreatif.

Katanya dalam bidang inilah perlunya sektor-sektor



AWANG Chua Pheng Siong, Pemangku Pengarah Unit Perancang Ekonomi ketika memberikan taklimat. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

kerajaan dan persendirian meningkatkan sumbangan mereka bagi mewujudkan langkah kerja baru sebagai persediaan negara ini menghadapi harga minyak yang semakin merosot dan mungkin kehabisan minyak.

Para peserta yang hadir juga berpeluang mengajukan beberapa pertanyaan dan pandangan masing-masing di majlis itu.

Taklimat itu bertujuan bagi menerangkan matlamat utama khususnya strateji mempelbagaikan ekonomi negara dan perlaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Kelima di samping mendapatkan maklum balas dari pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu pada hari Sabtu lalu taklimat yang sama juga diberikan kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli Dewan Perniagaan yang menghadiri taklimat Rancangan Kemajuan Negara baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# Rasuah: 3 orang dihadapkan ke mahkamah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan pada 2 Januari telah mendenda Awang Hamid bin Ibrahim kerana kesalahan rasuah. Awang Hamid, 24 tahun, bekas Pelayan di Jabatan Pengangkutan Darat didapati bersalah di atas tiga tuduhan kerana menerima secara tidak jujur suapan berjumlah $2,000.00 daripada Lee Ah Soon, Au Thien Wah dan Mohammed Ibrahim bin Akbar sebagai ganjaran bagi pertolongan mengeluarkan lesen-lesen memandu palsu bagi Fui Ah Chong, Lo Out, Miu Yin Chun dan Mohammed Ibrahim, satu kesalahan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah.

Di samping itu Awang Hamid juga didapati bersalah ke atas empat tuduhan lagi kerana memalsukan lesen-lesen memandu untuk Fui Ah Chong, Lo Out, Miu Yin Chung dan Mohammed Ibrahim, satu kesalahan di bawah Bab 465 dari Undang-Undang Jenayah.

Bagi tiga kesalahan di bawah Bab 6 (a) Akta Pencegahan Rasuah, Awang Hamid telah dihukum penjara di antara dua hingga enam bulan dan empat bulan lagi bagi setiap satu kesalahan di bawah Bab 465 Undang-Undang Jenayah, hukuman akan berjalan serentak. Beliau juga diperintahkan untuk membayar balik wang rasuah yang telah diterimanya berjumlah $2,000.00 dan jika gagal akan dikenakan hukuman penjara tambahan selama dua bulan.

Mahkamah telah membenarkan Awang Hamid untuk membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi sehingga hari ini, 15 Januari, 1986.

Didakwa di Mahkamah yang sama pada hari itu ialah Michael Wong @ Wong Ting Yong, seorang peniaga tempatan kerana bersubahat dengan Miu Yin Chun dan Lo Out, kedua-duanya tukang masak di Restoran Phongmun, Bandar Seri Begawan, kerana telah memberi dengan secara tidak jujur suapan berjumlah $3,000.00 kepada Au Thien Wah bagi kepentingan Awang Hamid bin Ibrahim, sebagai ganjaran bagi pertolongan untuk mendapatkan lesen-lesen memandu bagi Miu Yin Chun dan Lo Out, satu kesalahan di bawah Bab 5 (b) (ii) Akta Pencegahan Rasuah.

Michael Wong telah dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak $10,000.00 dan seorang penjamin tempatan.

Kesnya akan didengar semula pada bulan Mac.

Sementara itu Yong Fuh Wui berusia 28 tahun, bekas Kerani Pemesan Syarikat Minyak Shell Sendirian Berhad telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 7 Januari 1986 untuk menerima hukuman.

Yong Fuh Wui telah dihadapkan kali pertama di Mahkamah Majistret pada 26 September 1985 terhadap 7 dakwaan di bawah Bab 6(c) Akta Pencegahan Rasuah. Kesemua dakwaan tersebut adalah berhubung dengan penggunaan dokumen-dokumen yang mengandungi kenyataan palsu yang dibuat oleh Yong dengan maksud untuk mengelirukan dan menipu bekas majikannya, Syarikat Minyak Shell Sendirian Berhad, iaitu dengan menambah beberapa jenis barang yang tidak dipesan oleh Syarikat ke dalam dokumen-dokumen yang tertentu yang mana menyebabkan kerugian kepada Syarikat tersebut.

Pada 4 Disember 1985 Yong Fuh Wui mengaku salah ke atas 2 daripada 7 tuduhan yang dikenakan kepadanya.

Pada 7 Januari 1986 Yong Fuh Wui telah dijatuhkan hukuman denda $10,000/ bagi setiap kesalahan atau jika gagal dikenakan 6 bulan penjara. Yong membayar denda tersebut.

## BUKU JADUAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaum perkapalan dan sesiapa yang berkenaan adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Laut mempunyai beberapa naskah yang terhad buku Jadual Air Pasang Surut bagi Malaysia, Singapura dan Brunei 1986.

Harga senaskah ialah $10.00.

Buku tersebut boleh dibeli dari Pejabat Perkapalan, Jabatan Laut, Jalan MacArthur, Bandar Seri Begawan dan Pejabat Perkapalan, Jabatan Laut, Jabatan Sungai, Kuala Belait.

## DUA ORANG PEGAWAI DITAULIAHKAN KE PANGKAT LEFTENAN MUDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pegawai Kadet Maimun binti Haji Mat Yassin dan Pegawai Kadet Hasimah binti Abu Bakar telah pun ditauliahkan ke pangkat Leftenan Muda.

Kedua-dua mereka itu adalah pengambilan keenam Kompeni Askar Wanita. Mereka telah menghadiri Kursus Pegawai Kadet di Sekolah Pegawai Kadet Portsea Australia kira-kira setahun yang lalu dan telah menamatkan kursus pada 13 Disember, 1985.

Mereka berdua juga merupakan Pegawai Kadet yang pertama menjalani latihan di Australia.



KELIHATAN dalam gambar Pegawai Kadet Maimun binti Haji Mat Yassin (kiri), Pegawai Kadet Hasimah Abu Bakar dan Pegawai Kadet Rani bin Bujang berbual mesra dengan Mejar Jeneral Derek Deighton selepas perbarisan di Sekolah Pegawai Kadet Portsea Australia. — Gambar ihsan Suruhanjaya Tinggi Australia BSB.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 15 Januari hingga 21 Januari 1986

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis | 15.1.1986 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalan Batu | 15.1.1986 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Masin | 15.1.1986 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang | 15.1.1986 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong | 18.1.1986 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 18.1.1986 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong | 18.1.1986 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 18.1.1986 | Sabtu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKSB Kilanas | 18.1.1986 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut | 18.1.1986 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara | 19.1.1986 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 19.1.1986 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 19.1.1986 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas | 20.11986. | Isnin | 9.30–10.30 | pagi |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 20.11986. | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 20.11986. | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Rendah Kerajaan OKBI Subok | 21.1.1986 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak | 21.1.1986 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-311

# PAJAK GADAI

Siri terakhir



**Cara menolong orang yang susah atau terdesak :**

DALAM Islam ada banyak jalan bagi melepaskan kesusahan orang yang susah atau yang pecek atau yang sengsara atau yang terdesak dalam belanja hidup bagi dirinya atau bagi keluarga atau orang lain seperti kerabat atau jiran.

1. Zakat, kiranya orang susah atau terdesak itu dari golongan atau isnaf fakir atau miskin atau berhutang atau ghorim dan orang-orang yang berhak dan wajib dibayarkan zakat kepadanya telah disebutkan dalam Quran dengan terang dan nyata dan jelas dan zakat itu hak mereka itu selagi zakat itu belum habis dibahagikan.

2. Baitul-Mal, kiranya orang susah itu dari golongan fakir atau miskin atau anak yatim yang fakir atau Ibnu As-Sabil dan orang susah itu boleh dapat juga dari bahagian Masalihul-Muslimin dan nama-nama mereka itu telah tercatat dalam bahagian Baitul-Mal di dalam Quran dan hadis dan kitab-kitab Fiqeh.

3. Derma, bantuan, ihsan, wakaf, wasiat, hadiah, khairat dan sedekah daripada orang perseorangan.

4. Tabung bantuan susah boleh diadakan oleh pertubuhan-pertubuhan, dan kumpulan-kumpulan, dan jemaah-jemaah khairat bagi menolong dan memberi hutang kepada yang berhajat atau yang terdesak kemudian membayar balik hutang itu serta dengan disyaratkan meletak suatu cagaran kepada badan-badan itu. Tabung bantuan susah itu telah diadakan oleh Kementerian Wakaf Mesir, dengan dinamakan dia Tabung Al-Qardhul-Hasan (hutang yang tiada mengenakan bunga) dan orang yang berhutang itu membawa cagaran hatta perkakas tembaga bila hendak berhutang, dan di Turki pada zaman dahulu telah diadakan tabung hutang yang tiada mengambil faedah kepada penuntut-penuntut yang miskin atau susah. Demikianlah bagaimana saya tahu di Mesir, dengan yang mana saya telah membaca dalam Tarikh Turki dan sekarang Badan Mara Malaysia memberi hutang kepada penuntut yang miskin kerana belanja menamatkan pelajaran, adakah dengan mengenakan bunga atau tiada? Saya tiada dapat mengetahui.

Dengan adanya badan-badan yang memberi pertolongan dan bantuan dan Qardhul-Hasan dalam kampung atau pekan atau sesuatu tempat di samping badan-badan itu menjalankan lain-lain tujuan, maka banyak dapat menolong orang susah atau yang terdesak atau yang cemas yang segera mesti ditolong, dan mestilah diperbuat suatu peraturan yang munasabah, dan barang-barang cagaran itu boleh disimpan dalam peti amanah di mana-mana bank kerana setengah-setengah bank ada mengadakan peti-peti amanah dengan dikenakan bayaran, di atas menjaga amanah itu, sebagaimana Pejabat Pos mengadakan peti-peti surat dengan mengenakan bayaran, dan bayaran atau belanja cagaran itu dikutip dari derma atau khairat orang ramai dan tiadalah harus diambil daripada orang yang berhutang itu, kerana mengenakan bayaran kepadanya dengan sebab hutangnya itu adalah suatu jenis riba atau adalah ia riba.

Pendeknya pajak gadai itu suatu tempat menolong orang yang mesti dibantu dengan segera memberi hutang, adalah suatu kerja yang baik dalam Islam tetapi dengan mengambil bunga di atas hutang itu maka pajak gadai itu telah menjadi suatu tempat maksiat dan derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya. Wallahuaklam.

Orang yang berhutang dengan membayar lebih atau bunga itu, adalah mengerjakan perkara haram dan riba, dan dalam mazhab yang tiga Imam-Imam Abi Hanafiah dan Malik dan Ahmad bin Hanbal adalah membayar lebih itu semata-mata riba.

Menghutangkan orang yang sangat berhajat adalah wajib seperti anak-anak orang yang sangat berhajat itu dalam kelaparan umpamanya, dan adakalanya haram jika diketahui atau dizankan orang yang berhutang itu membelanjakan wang hutang itu pada sesuatu maksiat.

Jika kedua pihak izinkan pihak yang ketiga menjual cagaran dan pihak yang ketiga merujukkan kepada yang menerima gadai sebelum menjual cagaran itu kemudian ia menjual dengan harga yang biasa pada tempat dan masa (Thamanu Mithlin) dan dengan tunai maka sah jual cagaran itu.

WALLAHUAKLAM.

# 62 pekerja Shell terima anugerah perkhidmatan lama



SALAH seorang pekerja Syarikat Minyak Shell Brunei menerima anugerah perkhidmatan lama daripada Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Nico Van Dijk. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

SERIA. — Penekanan ke atas mutu, kesempurnaan tempat kerja, keadaan keperluan yang mencukupi dan cara yang mudah terhadap pendekatan-pendekatan para pekerja merupakan asas bagi mengekalkan penghasilan minyak dan gas yang sewajarnya bagi tahun-tahun yang akan datang.

Perkara ini telah ditekankan oleh Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Awang Nico Van Dijk ketika berucap sebelum menyampaikan anugerah perkhidmatan lama kepada pekerja-pekerja syarikat tersebut.

"Dengan kemampuan penghasilan yang mencukupi sedia wujud, tekanan diletakkan terutamanya ke atas kesempurnaan, pemeliharaan dan pembaikan kemudahan-kemudahan yang sedia ada," tambah Awang Nico.

**Oleh Mohd. Yussof Meludin**

Tahun lalu, tegasnya adalah tahun penyesuaian dalam hubungan tersebut yang mana Shell Brunei telah mencapai kejayaan. Ini adalah berdasarkan pencapaian perbelanjaan perlaksanaan kerja dan perbelanjaan harta benda yang jauh lebih rendah, dengan kira-kira 30 peratus daripada apa yang telah dirancangkan dalam tahun sebelumnya.

"Shell Brunei juga berjaya mengekalkan simpanan minyak dan gas, sehingga lebih banyak minyak dan gas telah ditemui daripada dihasilkan."

Mengenai dengan penglibatan syarikat-syarikat atau orang ramai terhadap Shell tersebut, katanya ianya tidak patut dikhuatiri dan diragui.

"Keraguan sepatutnya tidak timbul tentang komitmen syarikat-syarikat untuk menjadi lebih kelihatan dan di segi efektif, lebih berupa keBruneian keadaannya."

Bagi melakukan segala usaha untuk menambahkan sumbangan rakyat Brunei, jelasnya, pertama, dengan mengambil bekerja lebih banyak rakyat muda Brunei dan kedua, dengan memajukan mereka yang sudahpun bertapak.

Awang Nico berkata dalam tahun 1985 syarikat-syarikat membiayai 115 orang untuk belajar di United Kingdom bagi kursus-kursus Ijazah atau Diploma, selain dari 250 orang pelajar lagi yang dibiayai dalam kursus teknikal dan urusniaga di Brunei.

Selain dari itu tambah beliau, Pusat Latihan Shell telah mengadakan beberapa rancangan baru dalam tahun lepas.

Antaranya ialah rancangan 'Latihan Khas Bagi Pelajar-Pelajar Dewasa' (TEAME) dan 'Program Latihan Menuju Kemahiran' (STEP). Pusat tersebut juga akan merancang untuk menambah beberapa bidang kursus dalam tahun ini yang bertujuan untuk memajukan penyelia atau supervisor penghasilan.

Semua ini dan juga termasuk latihan-latihan yang berjalan sekarang adalah bertujuan khususnya untuk memajukan kakitangan warganegara Brunei. Masa kini pusat tersebut telah mengendalikan 125 jenis kursus, jelasnya.

Berhubung dengan rancangan itu, seramai 427 orang warganegara telah dinaikkan pangkat dalam tempoh dari bulan Januari hingga bulan November tahun lepas. Lebih dari 20 peratus dari kakitangan warganegara yang dipercayai merupakan gambaran yang memuaskan ke atas tugas semua yang berkenaan dalam usaha pemajuan.

Seramai 62 orang pekerja syarikat tersebut telah menerima anugerah perkhidmatan lama dalam satu majlis yang berlangsung Rabu lepas di Kelab Ria Shell Brunei di Seria.

12 orang dari mereka telah berkhidmat selama 35 tahun, 31 orang selama 30 tahun dan 19 orang telah berkhidmat 25 tahun.

Mengikut catatan tahun lepas, seramai 84 orang telah menerima anugerah yang sama, 22 orang telah berkhidmat selama 35 tahun, 44 orang berkhidmat 30 tahun dan 23 orang telah berkhidmat selama 25 tahun.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 15 Januari, 1986 hingga ke hari Selasa 21 Januari, 1986 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Januari | | | | | | | | | | | | |
| 15 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.25 | 6.26 | 7.39 | 7.40 | 5.19 | 5.05 | 5.20 | 6.33 | 6.34 |
| 16 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.25 | 6.26 | 7.39 | 7.40 | 5.20 | 5.06 | 5.21 | 6.33 | 6.34 |
| 17 | 12.32 | 3.52 | 3.53 | 6.26 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 5.20 | 5.06 | 5.21 | 6.33 | 6.34 |
| 18 | 12.33 | 3.53 | 3.54 | 6.26 | 6.27 | 7.40 | 7.41 | 5.20 | 5.06 | 5.21 | 6.34 | 6.35 |
| 19 | 12.33 | 3.53 | 3.54 | 6.26 | 6.27 | 7.40 | 7.41 | 5.21 | 5.07 | 5.22 | 6.34 | 6.35 |
| 20 | 12.33 | 3.53 | 3.54 | 6.27 | 6.28 | 7.40 | 7.41 | 5.21 | 5.07 | 5.22 | 6.34 | 6.35 |
| 21 | 12.34 | 3.54 | 3.55 | 6.27 | 6.28 | 7.40 | 7.41 | 5.21 | 5.07 | 5.22 | 6.34 | 6.35 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# ILMU ITU KHAZANAH YANG MENJADI SULUH DAN TEMAN YANG PALING BERHARGA




MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Zaman sekarang ialah zaman ilmu pengetahuan terus berkembang sesuai dengan keperluan-keperluan dunia dan manusia sebab itu sesiapa yang lambat merebut peluang memperkaya diri dengan ilmu pengetahuan orang itu pasti akan ditinggalkan di belakang, tidak siapa yang akan turut bersimpati dengan dia. Tegasnya orang itu akan jatuh dan menggigit jari sementara orang yang tekun dan berjaya dalam bidang-bidang ilmu akan terus berada di atas melebihi dari golongan-golongan yang pertama tadi. Hal ini bukanlah rahsia lagi atau sesuatu yang patut diragukan tetapi terlalu banyak ayat-ayat Al-Quran mahupun hadis-hadis Nabi yang menerangkan martabat serta kedudukan orang-orang yang berilmu itu dari kalangan manusia. Antaranya Firman Allah dalam Surah Al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud kira-kira:

*"Diangkat Allah martabat orang-orang yang beriman dari kalangan kamu dan orang-orang yang diberi pengetahuan dengan beberapa tingkat."*

Firman-Nya lagi dalam Surah Azzumar ayat 28 yang bermaksud kira-kira:

*"Katakanlah adakah sama antara orang-orang yang berilmu itu dengan orang-orang yang tidak berilmu?"*

Kedua-dua ayat yang disebutkan itu menjelaskan dengan terang kedudukan orang-orang yang alim yakni orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan itu adalah berbeza jauh daripada orang-orang jahil atau yang kurang pengetahuannya. Sebab itulah menuntut itu difardukan kepada sekalian orang Islam sama ada lelaki atau perempuan kerana tujuan-tujuan yang sangat jauh untuk kesempurnaan hidup seseorang. Ilmu itu khazanah yang tidak luak yang menjadi suluh dan teman paling berharga lagi setia.

Dan kemudian daripada itu ketekunan atau kerajinan menuntut ilmu itu lebih indah dan sangat-sangat dituntut supaya hendaklah ia disertai dengan taat beribadat kerana ibadat itu asas mendapatkan keredaan Allah Taala. Melalui ibadat kita mengetahui hak-hak kita dan hak-hak Allah dan orang yang tahu semua ini tidak akan menyimpang ke neraka tetapi jalannya tetap bersuluhkan taufik dan hidayat jua. Tegasnya dengan ilmu saja belumlah cukup kerana di sana ada ilmu terpuji dan ada pula ilmu tercela. Ilmu yang terpuji itu tidak ada batasnya. Walaupun dunia yang ditatangnya tidaklah salah, tetapi asal saja tiang sarinya teguh terdiri dari lima sendi (rukun) yang disebut oleh hadis sebagai kira-kira maksudnya:

*"Didirikan Islam atas lima sendi: Mengakui bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu utusan-Nya, mendirikan sembahyang, mengerjakan puasa bulan Ramadan, membayar zakat dan menunaikan haji apabila ada kesanggupan atau kuasa."*

Di atas kelima-lima sendi inilah segala-galanya kita dirikan. Kita dirikan dunia dan mahligainya, kita dirikan jambatan untuk menuju akhirat. Jika ini tercapai maka berhasillah segala cita-cita kita selaku orang-orang Islam, berhasillah segala pekerjaan dan bahkan dapatlah diharapkan segala pengetahuan kita yang ada akan mendapat sari dari ibadat yang lengkap serta dari pengetahuan itu sendiri bila diamalkan akan menjadi sebahagian dari ibadat yang mendatangkan pahala.

# SEMANGAT MUHIBAH YANG SEJATI DITUNTUT DALAM ISLAM

**Menuju keredaan Allah**

KASIH sayang dan cinta menyintai di antara seseorang Islam dengan saudaranya ada hubungan dengan iman seseorang. Sehinggakan kurang iman seseorang kerana kurang menyintai saudaranya. Mengasihi saudara kita bukanlah maksudnya atas peri kemanusiaan tetapi atas dasar keugamaan.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti: *"Tiada beriman seseorang kamu hingga ia menyintai untuk saudaranya apa yang ia cintai untuk dirinya."*

Dalam hadis tadi ada menyebutkan bahawa tiada beriman seseorang kamu hingga ia menyintai saudaranya. Maksud tidak beriman di sini bukanlah bererti ketiadaan iman tetapi ertinya tiada kesempurnaan iman. Cinta menyintai di antara kita adalah untuk memperolehi kebaikan dan kemanfaatan kerana roh keugamaan bukannya disebabkan tabiat kemanusiaan, kerana memang sudah jadi tabiat manusia tidak suka melihat orang lain mendapat yang lebih baik ataupun berbeza dengannya.

Seseorang manusia mestilah menyedari tabiat kemanusiaan yang buruk dan hendaklah berdoa untuk saudaranya serta berharap kebaikan untuknya sebagaimana yang dilakukan untuk dirinya sendiri.

Akibatnya apabila seseorang tidak mengasihi saudaranya sebagaimana ia kasih kepada dirinya sendiri maka jadilah ia seorang yang pendengki.

Dengki atau hasad boleh menyebabkan terputus hubungan di antara seseorang Islam dan ia adalah satu perasaan jiwa yang tercela. Dan orang pendengki mempunyai jiwa yang selama-lamanya gelisah dan tidak tenteram.

Pendengki menurut Imam Ghazali ada tiga macam:

1. Bercita-cita supaya hilang terus nikmat orang lain dan berpindah nikmat itu kepadanya.

2. Bercita-cita supaya hilang nikmat orang lain walaupun ia tidak dapat nikmat itu, sama ada ia tidak menyukainya ataupun ia sudah ada nikmat lain. Ini adalah lebih jahat bencananya dari yang pertama.

3. Tidak bercita-cita untuk menghilangkan nikmat itu dari orang lain, tetapi tidak suka melihat orang lebih atau senang darinya. Sifat ini juga dilarang.

Seperti firman Tuhan dalam Al-Quran yang bererti: *"Adakah mereka (yang berhak) membahagikan kurnia Tuhan engkau? Kami telah bahagi di antara mereka penghidupan mereka dalam penghidupan dunia (ini)."*

Sebenarnya siapa yang tidak suka dengan apa yang telah ditentukan Allah adalah melawan ketentuan dan kebijaksanaan Tuhan serta tidak ada perasaan insaf dan timbang rasa atau kasih sayang.

Seseorang yang beriman hendaklah menjadi orang yang sempurna imannya dengan mengasihi saudaranya sama seperti ia mengasihi peribadinya sendiri, baik baginya baiklah bagi saudaranya, buruk baginya buruk pula bagi saudaranya. Tidak ada baginya perbezaan perasaan hingga yang baik adalah untuknya, sedang yang buruk adalah untuk saudaranya.

Dasar persaudaraan Islam yang diasaskan atas tuntutan ugama ialah semangat perasaan muhibah yang sejati. Maka dengan semangat ini terjadilah saling hormat-menghormati, bantu-membantu, berusaha untuk mewujudkan kebaikan dan menghindarkan kejahatan.

Oleh itu orang yang beriman dengan sebenar-benarnya ialah orang yang bertimbang rasa terhadap saudaranya. Gembira dan duka adalah perasaan yang dirasai bersama. Orang yang beriman dalam hidupnya, pergaulannya adalah sebagai kata peribahasa "Berat sama dipikul ringan sama dijinjing," "Terapung sama hanyut terendam sama basah." Semua ini berlaku kalau perasaan muhibah atau saling cinta-menyintai dan kasih sayang itu meresap ke lubuk jiwa bagi orang mukmin dan muslim sejati.



JOHAN bahagian lelaki, Ustaz Awang Hassan bin Haji Taha menerima hadiah dari tetamu kehormat, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad, Pentadbir Kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan. — Gambar ihsan Persatuan PERKASA.



JOHAN bahagian perempuan, Dayang Hajjah Mastura Haji Abdullah menerima piala kemenangan dari tetamu kehormat. — Gambar ihsan Persatuan PERKASA.

# PERTANDINGAN QURAN ANJURAN PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ustaz Awang Hassan bin Haji Taha telah muncul sebagai johan Pertandingan Membaca Al-Quran bagi penduduk Kampong Saba anjuran Persatuan PERKASA yang berlangsung di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada hari Ahad lalu.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad, Pengawai Pentadbir Kanan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Naib johan disandang oleh Awang Iskandarisah bin Haji Takong dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Damit bin Haji Bolaji.

Dalam bahagian perempuan pula johan disandang oleh Dayang Hajjah Mastura bin Haji Abdullah dengan markah 77.5 peratus. Beliau juga menerima piala pusingan, sekeping tiket pergi/balik ke Singapura dan beberapa hadiah iringan.

Naib johan disandang oleh Dayang Ismah Haji Metussin dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Noridah Haji Zainal.

Seramai sembilan orang peserta telah menyertai pertandingan itu yang diadakan bagi kali kedua.

Sebelum itu di sebelah pagi, pertandingan bagi bahagian kanak-kanak telah buat diadakan.

Johan telah dimenangi oleh Awang Zaini bin Haji Metusin, naib johan, Awang Shahrin bin Haji Matnoor dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Ahmad Buharey bin Haji Rosli.

Manakala bahagian kanak-kanak perempuan telah dimenangi oleh Dayang Masnani binti Haji Metusin, naib johan, Dayang Ruhani binti Kamis dan tempat ketiga Dayang Norhayaty binti Muhammad.

Pertandingan itu juga diserikan dengan bacaan Al-Quran oleh Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji, pemenang ketiga Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran Peringkat Negara dalam tahun 1983, 1984 dan 1985.

Siri Piala Malaysia

# BRUNEI MENGALAMI KEKALAHAN LAGI

DUA kekalahan awal yang dialami di tempat sendiri awal bulan ini, tidak berhenti setakat di sini saja. Malahan, terus merebak dengan menyeberangi Laut Cina Selatan menuju ke Semenanjung Malaysia.

Sampai di Malaysia Pasukan Bola Sepak Kebangsaan menerima kekalahan ketiga kepada Selangor 6-2 dan kemudian tewas berlanjutan kepada Pulau Pinang 2-0.

Sama ada kalah atau menang dalam satu-satu perlawanan itu, merupakan pasang surut dalam permainan. Walau bagaimanapun harapan masih ada untuk mengubati luka kekalahan itu apabila menghadapi permainan selanjutnya di tempat sendiri pada 26 Januari ini menentang Sabah. Namun demikian perkara itu tergantunglah kepada formula yang akan digunakan nanti. Jika berkesan formula itu nanti maka mudah kita memerangkap pasukan lawan, tetapi jika gagal maka gagallah juga harapan.

Mengulas kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh skuad kebangsaan itu, Pengurus Pasukan Pengiran Salleh Pengiran Kamaluddin berkata, bahawa pasukannya masih mempunyai peluang untuk merebut tempat ke suku akhir sekiranya berjaya meraih beberapa kemenangan di perlawanan akan datang.

Bagaimanapun menurutnya perkara itu bukanlah suatu perkara yang mudah akan tetapi memerlukan kesabaran dan dedikasi.

Dalam pada itu ketika ini pemain-pemain belum dapat mensesuaikan diri dengan corak permainan yang diperkenalkan oleh Jurulatih Oscar Amaro de Silva. Selain dari itu masalah kecederaan yang dialami oleh Majidi Ghani turut menjejaskan ketajaman serangan.

Begitupun, "Kita akan cuba mempamerkan permainan yang cemerlang dan seterusnya cuba merebut beberapa kemenangan ke arah mempastikan ke Peringkat suku akhir," azam pengurus itu.

Dalam perlawanan pertama di tempat lawan itu, Brunei Darussalam tewas begitu teruk sekali dengan jaringan enam gol berbalas dua. Separuh masa pertama Selangor berjaya menembusi pintu gol Brunei Darussalam empat kosong, manakala dalam separuh masa kedua, Selangor dan Brunei Darussalam masing-masing berjaya menjaringkan dua gol.

Pemain berkulit hitam manis Selangor, Zainal Abidin Hassan yang dulunya beraksi bagi Pasukan Pahang merupakan hero utama dengan menjaringkan lima gol di minit-minit ke-30, 36, 42, 48 dan 60, manakala rakannya Dharmalingam menyumbangkan satu gol di minit ke-45.

Brunei hanya berjaya membocorkan pintu gol Selangor dengan dua jaringan yang masing-masing dijaringkan oleh Yusli Yusof dan Yaakub Abd. Rahman.

Yusli membuat jaringan tersebut melalui percubaan jarak jauh di minit ke-59 di mana penjaga gol Selangor Lim Chuan Chin menyangka bola tersebut keluar, manakala Yaakub Abd. Rahman yang diturunkan sebagai pemain gantian memperolehi gol itu hasil rembatan kencang di depan pintu gol Selangor.



TERSELAMAT ....... pintu gol Johor daripada ditembusi oleh penyerang-penyerang Brunei Darussalam (atas). — Gambar oleh Harun Rashid.



AWAS ....... Zainuddin Kasim cuba memintas Khalid Shahdan (7) dari belakang (bawah). — Gambar oleh Harun Rashid.

## Peperiksaan RSM kini dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan The Royal School of Music (Peperiksaan-peperiksaan Amali) (praktikal) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan September/Oktober, 1986.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei mulai dari 1 Januari 1986. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Lembaga Peperiksaan Brunei.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 30 Januari, 1986 tidak akan dilayan.

# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

JERUDONG. — Jabatan Penjara telah mengadakan majlis penyampaian hadiah bagi pelbagai kegiatan sukan yang diadakan sepanjang tahun lepas pada 31 Disember lalu dan diselajurkan dengan acara 'barbeque' di Mess Pegawai jabatan berkenaan.

Pengarah Penjara, Awang Abd. Wahab bin Haji Md. Said yang menjadi tetamu kehormat malam itu telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Menurut jurucakap jabatan itu, di antara kegiatan-kegiatan sukan di jabatan itu ialah bola sepak, ping-pong, bola tampar, bulu tangkis, sepak takraw, billiard, tarik kalat dan rentas desa serta acara menembak.

Katanya, kegiatan sukan itu dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Sukan jabatan itu dan diadakan bagi kumpulan-kumpulan pegawai dan kakitangan.

"Ini adalah kali kelima perlawanan sukan antara bahagian-bahagian dijabatan ini diadakan," katanya.

Dalam kesemua acara dalam tahun 1985, kumpulan F telah memenangi tempat pertama, kumpulan ibu pejabat di tempat kedua dan kumpulan C di tempat ketiga.





Oleh Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN

## PERKASA anjur b-sepak 7 orang sepasukan

PERSATUAN Kampong Saba (PERKASA) akan menganjurkan tiga kejohanan bola sepak 7 sepasukan bagi kali keenam bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tiga kejohanan tersebut adalah seperti berikut:-

* Terbuka bagi semua peringkat umur.
* Umur 20 tahun ke bawah bermula pada 1 Januari 1966 ke atas.
* Umur 16 tahun ke bawah bermula dari 1 Januari 1970 ke atas.

Menurut pihak penganjur bayaran sebanyak $25 dikenakan bagi satu pasukan untuk menyertai dalam bahagian terbuka semua peringkat umur. Penyertaan dalam bahagian umur 20 tahun ke bawah dikenakan bayaran sebanyak $20 satu pasukan manakala penyertaan dalam bahagian umur 16 ke bawah dikenakan bayaran sebanyak $15 bagi satu pasukan.

Bagaimanapun pihak penganjur memberitahu bahawa setiap pasukan yang hendak menyertai kejohanan itu hanya dibenarkan menghantar tidak lebih daripada dua pasukan dengan dibahagikan kepada pasukan 'A' dan 'B', dan penganjur menjangkakan akan membahagikan kepada empat kumpulan bagi tiap-tiap satu bahagian.

Kejohanan ini terbuka kepada kampung-kampung, kelab dan persatuan di Kampong Ayer, manakala pemain-pemain pula hendaklah terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam.

Borang-borang penyertaan boleh didapati daripada Awang Lakim bin Haji Tinggal, Pejabat Undang-undang, Awang Ismail bin Haji Zainal, Pejabat Adat Istiadat, Awang Haji Sarbini bin Haji Ibrahim, Jabatan Perjawatan. Kesemua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat dari 28 Januari, 1986.

## Liga b-sepak bermula

SEJUMLAH 55 buah pasukan menyertai Liga Bola Sepak Daerah Belait anjuran Persatuan Bola Sepak Daerah Belait (BDFA) bagi musim tahun 1985 Ahad lepas.

Pasukan tersebut terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, kelab-kelab, firma dan syarikat swasta dengan dibuka rasmi oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, bertempat di Padang Kelab Ria Kuala Belait.



PARA pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penjara ketika menghadiri majlis penyampaian hadiah malam itu. —Gambar ihsan Jabatan Penjara.



PENGARAH Penjara, Awang Abd. Wahab Haji Mohd. Said menyampaikan hadiah kepada wakil Kumpulan E, Wader 182, Awang Ismail bin Haji Jumat. Gambar ihsan Jabatan Penjara.

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# SELAMAT PAGI, SELAMAT PAGI....

SUDAH dua minggu kita dalam lingkungan tahun 1986 dan telah dua kali juga kita bersama dengan rancangan yang diberi nama 'SELAMAT PAGI' yang menemui peminatnya pada setiap hari Ahad, hari kelepasan bagi semua orang yang bekerja.

Rancangan baru yang telah diperkenalkan mulai 5 Januari, 1986 itu memulakan siarannya dari jam 8.15 pagi hingga 10.00 pagi. Sesuai dengan hasrat radio untuk memperbanyakkan lagi rancangan-rancangan yang beraneka corak dari yang telah sedia ada, radio berharap rancangan serupa ini dapatlah memenuhi selera pendengarnya ataupun sekurang-kurangnya dapat menjadi bahan panduan bersama.

Selain daripada itu, rancangan 'Selamat Pagi' adalah bertujuan untuk menghubungkan keempat daerah di negara ini yang dilakukan secara langsung dengan kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat di daerah masing-masing. Ianya juga adalah bertujuan bagi meluas dan memperkembangkan lagi perkhidmatan radio kepada masyarakatnya dalam penyertaan orang ramai, di samping memberikan perkhidmatan ekspres kepada penduduk-penduduk di luar bandar serta menambah hiburan untuk orang ramai di waktu-waktu hari kelepasan awam.

Memandangkan usia rancangan ini masih muda, kami rasa ada eloknya kami mengemukakan kandungan yang dimuatkan untuk mengisi rancangan selama satu jam empat puluh minit ini untuk pengetahuan dan panduan bersama. Kandungannya dipecahkan kepada tiga bahagian; iaitu Permintaan Selamat Pagi, Laporan Minggu dan Permintaan Tahniah dan Ucap Selamat yang disiarkan melalui telefon dan dipenuhi oleh temubual wakil radio dengan pendengar.

Untuk Permintaan Selamat Pagi, pihak radio pada setiap minggu akan menyediakan dua orang penyampai yang masing-masing ditempatkan di Studio Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Rancangan ini mengambil alih rancangan permintaan antara dua stesen yang biasanya disiarkan langsung pada tiap-tiap hari Ahad jam 1.00 tengah hari dari dua stesen yang sama. Kepada para pendengar yang mungkin mempunyai niat untuk menyertai ruangan ini bolehlah mengirimkan kad-kad permintaan atas tajuk 'Permintaan Selamat Pagi' kepada penerbit rancangan.

Di samping dua orang penyampai yang ditugaskan untuk mengendalikan rancangan ini di Studio Bandar Seri Begawan, rancangan ini juga banyak melibatkan kakitangan-kakitangan yang lain bagi ditempatkan di empat daerah untuk memberikan laporan mingguan dan berita-berita semasa yang mengambil tempat di daerah masing-masing. Sudut ini lebih berbentuk penerangan dan akan membawa pendengar mengikuti kegiatan-kegiatan dan perkembangan-perkembangan dari daerah masing-masing melalui temuramah ataupun rakaman acara-acara yang sudah berlaku mahupun perkara-perkara yang akan dihadapi.

Sudut Tahniah dan Ucap Selamat pula menampilkan secara langsung penglibatan pendengar yang juga dikendalikan oleh penerbit melalui telefon. Melalui ruangan ini, para peserta akan diberi peluang untuk menyuarakan sendiri ucapan tahniah dan selamat kepada yang ditujukan, sambil mereka diberi peluang membuat pilihan lagu-lagu kesukaan ramai sebagai hiburan di hari minggu. Selain daripada itu, sudut ini juga akan mengetengahkan 'personaliti' seseorang yang bertujuan antara lain bagi mendedahkan rahsia kejayaan seseorang yang tertentu dalam bidang pelajaran, pekerjaan ataupun kebolehan masing-masing. Borang penyertaan untuk rancangan ini ada disediakan oleh penerbit kepada pendengar yang bermaksud bagi kemudahan mendapatkan keterangan bertulis dari peminat yang berkenaan mengenai diri, kejayaannya dan keterangan yang diperlukan bagi memenuhi sudut ini.

Dengan terbitnya rancangan yang berbentuk hiburan dan penerangan ini, radio berharap akan dapat memenuhi selera pendengar yang mungkin mengharapkan rancangan yang baru sesuai dengan tahun baru yang baru saja kita lalui.

## Penyampai rancangan kanak-kanak

RADIO Televisyen Brunei kini mempelawa orang ramai yang berminat menjadi Penyampai bagi Rancangan Kanak-Kanak TV iaitu "UJILAH ILMU KAMU."




**TETAMU RADIO** Tetamu undangan minggu ini AWG JAILANI BIN HJ IBRAHIM antara lain akan menceritakan pengalaman beliau semasa menyertai Kapal Belia Asia Tenggara — NIPPON MARU. Rancangan ini akan ke udara pada hari Ahad 19 Januari jam 4.30 petang. Kelihatan Awang Jailani bergambar bersama kaptan kapal Nippon Maru. (Gambar atas).

## Sandiwara Radio:

# "SEGUMPAL HATI SECUIT RASA"

SANDIWARA Radio yang berjudul "SEGUMPAL HATI SECUIT RASA," karya Z. A. Negara Brunei Darussalam akan mengisikan ruangan rancangan ini untuk persembahannya minggu ini.

Cerita ini bertemakan kehidupan segelintir pelajar yang menuntut di dalam Tingkatan Enam. Suasana ini digambarkan dalam keadaan pelajar-pelajar itu hendak menempuh Peperiksaan Peringkat 'A'.

Ayub, seorang pelajar yang sudah pernah gagal dalam peperiksaan lepas, mengalami konflikasi fikiran dan jiwa bila peperiksaan semakin mendekat. Semangat untuk belajar dan azamnya untuk mendapat kejayaan tiba-tiba lumpuh dan ia berubah menjadi seorang pelajar yang malas menghadapi pelajarannya dan keras hati, sehingga ia memutuskan hendak berhenti saja dari sekolah.

Ayub tidak pula dibiarkan membuat keputusan sendiri. Teman-temannya sendiri tidak sanggup membiarkan ia berkeadaan begitu. Amat, Mariam, Zali dan Rosli cuba memujuknya supaya ia bertenang dan mengembalikan semangatnya untuk belajar semula dan memperolehi kejayaan.

Cikgu Noreen juga merasakan sebagai tanggungjawabnya untuk terus memberikan nasihat dan dorongan agar Ayub menduduki peperiksaan. Pada mulanya Ayub agak keberatan juga untuk menunaikan permintaan Cikgu Noreen itu, tapi lama kelamaan nampaknya ia termakan pujuk.

Pendirian Ayub makin tergugat lagi, bila saja Mariam datang untuk mencabarnya. Apakah cabaran Mariam itu? Bersediakah Ayub menyahut cabarannya? Ikutilah siarannya nanti pada 19 Januari, 1986 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Salmah Haji Abd Rahman.

## Mari Memasak:

# BERIANI ARABIAN

**Bahan-bahannya :**

- 5 cawan besar beras beriani
- ½ tin susu cair campur dengan 5 cawan air
- 1 cawan kacang campur
- 1 cawan kismis
- 1 sudu gula pasir
- 1 ekor ayam dipotong 8
- 6 ulas bawang putih } digiling
- 5 inci halia muda } digiling
- 12 biji bawang merah } digiling
- 11 biji cili hijau } digiling
- 3 sudu jintan manis } digiling
- 1 cawan tairu
- 1 sudu kecil serbuk kunyit
- 1 tangkai daun sop garam, serbuk perasa secukup rasa.

**Bahan-bahan menumis :**

- 2 biji bawang besar dihiris
- 6 ulas bawang putih dihiris
- 4 inci halia
- 3 inci kulit kayu manis
- 10 biji buah pelaga
- 1 cawan minyak sapi
- ½ cawan minyak kelapa

**Cara membuatnya :**

Ayam yang telah dipotong dibersihkan perap dengan bahan-bahan yang digiling tadi. Kemudian dibakar dalam oven hingga masak, dan tumiskan dengan bahan-bahan penumis. Bila layu masukkan beras dan susu yang telah dicampur air, masukkan daun sop, gula, garam, masak hingga kering. Masukkan ayam yang telah dibakar, taburkan kismis. Masak hingga tanak nasinya dan angkat dan hiaskan mengikut suka puanpuan. Taruh sedikit daun pudina.

## Dokumentari: "JABATAN TANAH"

FUNGSI utama Jabatan Tanah dalam perkhidmatannya sebagai sebuah jabatan di Kementerian Pembangunan ialah memproses semua aspek permohonan tanah seperti penukaran syarat khas tanah, menyelaraskan permohonan tanah sebelum tahun 1955 iaitu 'Land Application,' penyambungan tempoh kelamaan geran tanah, pajakan, pengambilan balik atau gantian tanah, mengemaskinikan kesemua projek kerajaan yang ada hubungannya dengan hal-ehwal tanah, pengubahsuaian tanah, gadaian, menyediakan kertas-kerja Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, kerja-kerja pendaftaran atau cukai tanah, lesen tumpang sementara, mengawal dan menasihat atas penggunaan tanah, menaksir tanah dan mengeluarkan permit pengangkutan pasir, tanah dan batu-batan.

Dokumentari tempatan malam ini akan mendedahkan sedikit sebanyak rencana yang berhubung dengan perkhidmatan Jabatan Tanah di Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

## Siri Piala Malaysia

# BRUNEI MENGALAMI KEKALAHAN LAGI

DUA kekalahan awal yang dialami di tempat sendiri awal bulan ini, tidak berhenti setakat di sini saja. Malahan, terus merebak dengan menyeberangi Laut Cina Selatan menuju ke Semenanjung Malaysia.

Sampai di Malaysia Pasukan Bola Sepak Kebangsaan menerima kekalahan ketiga kepada Selangor 6-2 dan kemudian tewas berlanjutan kepada Pulau Pinang 2-0.

Sama ada kalah atau menang dalam satu-satu perlawanan itu, merupakan pasang surut dalam permainan. Walau bagaimanapun harapan masih ada untuk mengubati luka kekalahan itu apabila menghadapi permainan selanjutnya di tempat sendiri pada 26 Januari ini menentang Sabah. Namun demikian perkara itu tergantunglah kepada formula yang akan digunakan nanti. Jika berkesan formula itu nanti maka mudah kita memerangkap pasukan lawan, tetapi jika gagal maka gagallah juga harapan.

Mengulas kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh skuad kebangsaan itu, Pengurus Pasukan Pengiran Salleh Pengiran Kamaluddin berkata, bahawa pasukannya masih mempunyai peluang untuk merebut tempat ke suku akhir sekiranya berjaya meraih beberapa kemenangan di perlawanan akan datang.

Bagaimanapun perkara itu bukanlah suatu perkara yang mudah akan tetapi memerlukan kesabaran dan dedikasi.

Dalam pada itu ketika ini pemain-pemain belum dapat mensesuaikan diri dengan corak permainan yang diperkenalkan oleh Jurulatih Oscar Amaro de Silva. Selain dari itu masalah kecederaan yang dialami oleh Majidi Ghani turut menjejaskan ketajaman serangan.

Begitupun, "Kita akan cuba mempamerkan permainan yang cemerlang dan seterusnya cuba merebut beberapa kemenangan ke arah mempastikan ke Peringkat suku akhir," azam pengurus itu.

Dalam perlawanan pertama di tempat lawan itu, Brunei Darussalam tewas begitu teruk sekali dengan jaringan enam gol berbalas dua. Separuh masa pertama Selangor berjaya menembusi pintu gol Brunei Darussalam empat kosong, manakala dalam separuh masa kedua, Selangor dan Brunei Darussalam masing-masing berjaya menjaringkan dua gol.

Pemain berkulit hitam manis Selangor, Zainal Abidin Hassan yang dulunya beraksi bagi Pasukan Pahang merupakan hero utama dengan menjaringkan lima gol di minit-minit ke-30, 36, 42, 48 dan 60, manakala rakannya Dharmalingam menyumbangkan satu gol di minit ke-45.

Brunei hanya berjaya membocorkan pintu gol Selangor dengan dua jaringan yang masing-masing dijaringkan oleh Yusli Yusof dan Yaakub Abd. Rahman.

Yusli membuat jaringan tersebut melalui percubaan jarak jauh di minit ke-59 di mana penjaga gol Selangor Lim Chuan Chin menyangka bola tersebut keluar, manakala Yaakub Abd. Rahman yang diturunkan sebagai pemain gantian memperolehi gol itu hasil rembatan kencang di depan pintu gol Selangor.



TERSELAMAT ....... pintu gol Johor daripada ditembusi oleh penyerang-penyerang Brunei Darussalam (atas). — Gambar oleh Harun Rashid.





AWAS ....... Zainuddin Kasim cuba memintas Khalid Shahdan (7) dari belakang (bawah). — Gambar oleh Harun Rashid.

## Peperiksaan RSM kini dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan The Royal School of Music (Peperiksaan-peperiksaan Amali) (praktikal) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan September/Oktober, 1986.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei mulai dari 1 Januari 1986. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Lembaga Peperiksaan Brunei.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 30 Januari, 1986 tidak akan dilayan.

# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

JERUDONG. — Jabatan Penjara telah mengadakan majlis penyampaian hadiah bagi pelbagai kegiatan sukan yang diadakan sepanjang tahun lepas pada 31 Disember lalu dan diselajurkan dengan acara 'barbeque' di Mess Pegawai jabatan berkenaan.

Pengarah Penjara, Awang Abd. Wahab bin Haji Md. Said yang menjadi tetamu kehormat malam itu telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Menurut jurucakap jabatan itu, di antara kegiatan-kegiatan sukan di jabatan itu ialah bola sepak, ping-pong, bola tampar, bulu tangkis, sepak takraw, billiard, tarik kalat dan rentas desa serta acara menembak.

Katanya, kegiatan sukan itu dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Sukan jabatan itu dan diadakan bagi kumpulan-kumpulan pegawai dan kakitangan.

"Ini adalah kali kelima perlawanan sukan antara bahagian-bahagian dijabatan ini diadakan," katanya.

Dalam kesemua acara dalam tahun 1985, kumpulan F telah memenangi tempat pertama, kumpulan ibu pejabat di tempat kedua dan kumpulan C di tempat ketiga.



PARA pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Penjara ketika menghadiri majlis penyampaian hadiah malam itu. —Gambar ihsan Jabatan Penjara.



PENGARAH Penjara, Awang Abd. Wahab Haji Mohd. Said menyampaikan hadiah kepada wakil Kumpulan E, Wader 182, Awang Ismail bin Haji Jumat. Gambar ihsan Jabatan Penjara.



Oleh Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN

## PERKASA anjur b-sepak 7 orang sepasukan

PERSATUAN Kampong Saba (PERKASA) akan menganjurkan tiga kejohanan bola sepak 7 sepasukan bagi kali keenam bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tiga kejohanan tersebut adalah seperti berikut:-

* Terbuka bagi semua peringkat umur.
* Umur 20 tahun ke bawah bermula pada 1 Januari 1966 ke atas.
* Umur 16 tahun ke bawah bermula dari 1 Januari 1970 ke atas.

Menurut pihak penganjur bayaran sebanyak $25 dikenakan bagi satu pasukan untuk menyertai dalam bahagian terbuka semua peringkat umur. Penyertaan dalam bahagian umur 20 tahun ke bawah dikenakan bayaran sebanyak $20 satu pasukan manakala penyertaan dalam bahagian umur 16 ke bawah dikenakan bayaran sebanyak $15 bagi satu pasukan.

Bagaimanapun pihak penganjur memberitahu bahawa setiap pasukan yang hendak menyertai kejohanan itu hanya dibenarkan menghantar tidak lebih daripada dua pasukan dengan dibahagikan kepada pasukan 'A' dan 'B', dan penganjur menjangkakan akan membahagikan kepada empat kumpulan bagi tiap-tiap satu bahagian.

Kejohanan ini terbuka kepada kampung-kampung, kelab dan persatuan di Kampong Ayer, manakala pemain-pemain pula hendaklah terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam.

Borang-borang penyertaan boleh didapati daripada Awang Lakim bin Haji Tinggal, Pejabat Undang-undang, Awang Ismail bin Haji Zainal, Pejabat Adat Istiadat, Awang Haji Sarbini bin Haji Ibrahim, Jabatan Perjawatan. Kesemua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat dari 28 Januari, 1986.

## Liga b-sepak bermula

SEJUMLAH 35 buah pasukan menyertai Liga Bola Sepak Daerah Belait, anjuran Persatuan Bola Sepak Daerah Belait (BDFA) bagi musim tahun 1985 Ahad lepas.

Pasukan tersebut terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, kelab-kelab, firma dan syarikat swasta dengan dibuka rasmi oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, bertempat di Padang Kelab Ria Kuala Belait.

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# SELAMAT PAGI, SELAMAT PAGI....

SUDAH dua minggu kita dalam lingkungan tahun 1986 dan telah dua kali juga kita bersama dengan rancangan yang diberi nama 'SELAMAT PAGI' yang menemui peminatnya pada setiap hari Ahad, hari kelepasan bagi semua orang yang bekerja.

Rancangan baru yang telah diperkenalkan mulai 5 Januari, 1986 itu memulakan siarannya dari jam 8.15 pagi hingga 10.00 pagi. Sesuai dengan hasrat radio untuk memperbanyakkan lagi rancangan-rancangan yang beraneka corak dari yang telah sedia ada, radio berharap rancangan serupa ini dapatlah memenuhi selera pendengarnya ataupun sekurang-kurangnya dapat menjadi bahan panduan bersama.

Selain daripada itu, rancangan 'Selamat Pagi' adalah bertujuan untuk menghubungkan keempat daerah di negara ini yang dilakukan secara langsung dengan kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat di daerah masing-masing. Ianya juga adalah bertujuan bagi meluas dan memperkembangkan lagi perkhidmatan radio kepada masyarakatnya dalam penyertaan orang ramai, di samping memberikan perkhidmatan ekspres kepada penduduk-penduduk di luar bandar serta menambah hiburan untuk orang ramai di waktu-waktu hari kelepasan awam.

Memandangkan usia rancangan ini masih muda, kami rasa ada eloknya kami mengemukakan kandungan yang dimuatkan untuk mengisi rancangan selama satu jam empat puluh minit ini untuk pengetahuan dan panduan bersama. Kandungannya dipecahkan kepada tiga bahagian; iaitu Permintaan Selamat Pagi, Laporan Minggu dan Permintaan Tahniah dan Ucap Selamat yang disiarkan melalui telefon dan dipenuhi oleh temubual wakil radio dengan pendengar.

Untuk Permintaan Selamat Pagi, pihak radio pada setiap minggu akan menyediakan dua orang penyampai yang masing-masing ditempatkan di Studio Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait. Rancangan ini mengambil alih rancangan permintaan antara dua stesen yang biasanya disiarkan langsung pada tiap-tiap hari Ahad jam 1.00 tengah hari dari dua stesen yang sama. Kepada para pendengar yang mungkin mempunyai niat untuk menyertai ruangan ini bolehlah mengirimkan kad-kad permintaan atas tajuk 'Permintaan Selamat Pagi' kepada penerbit rancangan.

Di samping dua orang penyampai yang ditugaskan untuk mengendalikan rancangan ini di Studio Bandar Seri Begawan, rancangan ini juga banyak melibatkan kakitangan-kakitangan yang lain bagi ditempatkan di empat daerah untuk memberikan laporan mingguan dan berita-berita semasa yang mengambil tempat di daerah masing-masing. Sudut ini lebih berbentuk penerangan dan akan membawa pendengar mengikuti kegiatan-kegiatan dan perkembangan-perkembangan dari daerah masing-masing melalui temuramah ataupun rakaman acara-acara yang sudah berlaku mahupun perkara-perkara yang akan dihadapi.

Sudut Tahniah dan Ucap Selamat pula menampilkan secara langsung penglibatan pendengar yang juga dikendalikan oleh penerbit melalui telefon. Melalui ruangan ini, para peserta akan diberi peluang untuk menyuarakan sendiri ucapan tahniah dan selamat kepada yang ditujukan, sambil mereka diberi peluang membuat pilihan lagu-lagu kesukaan ramai sebagai hiburan di hari minggu. Selain daripada itu, sudut ini juga akan mengetengahkan 'personaliti' seseorang yang bertujuan antara lain bagi mendedahkan rahsia kejayaan seseorang yang tertentu dalam bidang pelajaran, pekerjaan ataupun kebolehan masing-masing. Borang penyertaan untuk rancangan ini ada disediakan oleh penerbit kepada pendengar yang bermaksud bagi kemudahan mendapatkan keterangan bertulis dari peminat yang berkenaan mengenai diri, kejayaannya dan keterangan yang diperlukan bagi memenuhi sudut ini.

Dengan terbitnya rancangan yang berbentuk hiburan dan penerangan ini, radio berharap akan dapat memenuhi selera pendengar yang mungkin mengharapkan rancangan yang baru sesuai dengan tahun baru yang baru saja kita lalui.

## Penyampai rancangan kanak-kanak

RADIO Televisyen Brunei kini mempelawa orang ramai yang berminat menjadi Penyampai bagi Rancangan Kanak-Kanak TV iaitu "UJILAH ILMU KAMU."




**TETAMU RADIO** Tetamu undangan minggu ini AWG JAILANI BIN HJ IBRAHIM antara lain akan menceritakan pengalaman beliau semasa menyertai Kapal Belia Asia Tenggara — NIPPON MARU. Rancangan ini akan ke udara pada hari Ahad 19 Januari jam 4.30 petang. Kelihatan Awang Jailani bergambar bersama kaptan kapal Nippon Maru. (Gambar atas).

## Sandiwara Radio:

# *"SEGUMPAL HATI SECUIT RASA"*

SANDIWARA Radio yang berjudul "SEGUMPAL HATI SECUIT RASA," karya Z. A. Negara Brunei Darussalam akan mengisikan ruangan rancangan ini untuk persembahannya minggu ini.

Cerita ini bertemakan kehidupan segelintir pelajar yang menuntut di dalam Tingkatan Enam. Suasana ini digambarkan dalam keadaan pelajar-pelajar itu hendak menempuh Peperiksaan Peringkat 'A'.

Ayub, seorang pelajar yang sudah pernah gagal dalam peperiksaan lepas, mengalami konflikasi fikiran dan jiwa bila peperiksaan semakin mendekat. Semangat untuk belajar dan azamnya untuk mendapat kejayaan tiba-tiba lumpuh dan ia berubah menjadi seorang pelajar yang malas menghadapi pelajarannya dan keras hati, sehingga ia memutuskan hendak berhenti saja dari sekolah.

Ayub tidak pula dibiarkan membuat keputusan sendiri. Teman-temannya sendiri tidak sanggup membiarkan ia berkeadaan begitu. Amat, Mariam, Zali dan Rosli cuba memujuknya supaya ia bertenang dan mengembalikan semangatnya untuk belajar semula dan memperolehi kejayaan.

Cikgu Noreen juga merasakan sebagai tanggungjawabnya untuk terus memberikan nasihat dan dorongan agar Ayub menduduki peperiksaan. Pada mulanya Ayub agak keberatan juga untuk menunaikan permintaan Cikgu Noreen itu, tapi lama kelamaan nampaknya ia termakan pujuk.

Pendirian Ayub makin tergugat lagi, bila saja Mariam datang untuk mencabarnya. Apakah cabaran Mariam itu? Bersediakah Ayub menyahut cabarannya? Ikutilah siarannya nanti pada 19 Januari, 1986 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Salmah Haji Abd Rahman.

## Mari Memasak:

# BERIANI ARABIAN

**Bahan-bahannya :**

- 5 cawan besar beras beriani
- ½ tin susu cair campur dengan 5 cawan air
- 1 cawan kacang campur
- 1 cawan kismis
- 1 sudu gula pasir
- 1 ekor ayam dipotong 8
- 6 ulas bawang putih
- 5 inci halia muda
- 12 biji bawang merah
- 11 biji cili hijau
- 3 sudu jintan manis
  (digiling)
- 1 cawan tairu
- 1 sudu kecil serbuk kunyit
- 1 tangkai daun sop garam, serbuk perasa secukup rasa.

**Bahan-bahan menumis :**

- 2 biji bawang besar dihiris
- 6 ulas bawang putih dihiris
- 4 inci halia
- 3 inci kulit kayu manis
- 10 biji buah pelaga
- 1 cawan minyak sapi
- ½ cawan minyak kelapa

**Cara membuatnya :**

Ayam yang telah dipotong dibersihkan perap dengan bahan-bahan yang digiling tadi. Kemudian dibakar dalam oven hingga masak, dan tumiskan dengan bahan-bahan penumis. Bila layu masukkan beras dan susu yang telah dicampur air, masukkan daun sop, gula, garam, masak hingga kering. Masukkan ayam yang telah dibakar, taburkan kismis. Masak hingga tanak nasinya dan angkat dan hiaskan mengikut suka puanpuan. Taruh sedikit daun pudina.

## *Dokumentari: "JABATAN TANAH"*

FUNGSI utama Jabatan Tanah dalam perkhidmatannya sebagai sebuah jabatan di Kementerian Pembangunan ialah memproses semua aspek permohonan tanah seperti penukaran syarat khas tanah, menyelaraskan permohonan tanah sebelum tahun 1955 iaitu 'Land Application,' penyambungan tempoh kelamaan geran tanah, pajakan, pengambilan balik atau gantian tanah, mengemaskinikan kesemua projek kerajaan yang ada hubungannya dengan hal-ehwal tanah, pengubahsuaian tanah, gadaian, menyediakan kertas-kerja Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, kerja-kerja pendaftaran atau cukai tanah, lesen tumpang sementara, mengawal dan menasihat atas penggunaan tanah, menaksir tanah dan mengeluarkan permit pengangkutan pasir, tanah dan batu-batan.

Dokumentari tempatan malam ini akan mendedahkan sedikit sebanyak rencana yang berhubung dengan perkhidmatan Jabatan Tanah di Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

# PENGALAMAN PERTAMA ALAM PERSE

Oleh: Dk Fatimah Pg Haji Mohd Noor
Gambar: Pg Bahar bin Pg Haji Omar



KELIHATAN seorang ibu memujuk anaknya yang sedang menangis kerana takut bersekolah. Sementara kanak-kanak yang lain begitu tenang.

PENGALAMAN pertama telah menimbulkan berbagai ragam di kalangan kanak-kanak yang baru melangkah ke alam persekolahan. Antaranya ada yang riang dan ada yang menunjukkan kesedihan bila mereka berada di kelas masing-masing.

Kegembiraan itu jelas digambarkan dari wajah mereka bila bercampur dengan kanak-kanak yang sebaya dengan mereka belajar malah bagi mereka yang pernah memasuki Kelas Tadika sudah tentunya perasaan takut dan gentar tidak akan timbul sebaliknya mereka mudah bergaul dengan rakan-rakan yang lain seperti yang dialami semasa di Tadika dulu.

Kesedihan mereka jelas terbayang apabila mendapati bahawa ibu bapa tidak berada di sisi mereka, suatu pengalaman betapa mereka itu masih memerlukan kasih sayang dari seorang ibu di samping memerlukan kasih sayang dari seorang guru.

Namun kesedihan itu hanyalah untuk beberapa hari sahaja di mana dalam beberapa hari sahaja, mereka telah dapat menyesuaikan diri mereka dengan suasana baru di sekolah.

Menurut perangkaan dari Jabatan Pelajaran, lebih tiga ribu orang murid-murid baru telah mendaftar bagi memasuki kelas-kelas pra-sekolah di semua Sekolah Rendah Kerajaan tahun ini. Jumlah terbesar di Daerah Brunei-Muara iaitu lebih 2,400 orang kanak-kanak.

## *Lebih 3 ribu masuk kelas*

Jumlah ini adalah bertambah lebih dua ratus orang berbanding dengan tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh orang kanak-kanak yang didaftarkan mengikuti kelas-kelas pra-sekolah dalam tahun 1984. Sejumlah seribu sembilan ratus lima orang kanak-kanak lelaki didaftarkan pada tahun tersebut.

Jumlah terbaru yang diperolehi dari perangkaan itu menjelaskan 963 orang kanak-kanak didaftarkan bagi sekolah-sekolah Brunei 1,978 orang bagi Brunei II, 532 orang didaftarkan di bahagian Brunei III manakala Brunei IV ialah 290 orang.

Di Daerah Tutong seramai 861 orang kanak-kanak didaftarkan termasuklah 449 orang dari bahagian Tutong I. Sementara itu pendaftaran murid-murid baru di Daerah Belait ialah 441 orang dan 185 orang kanak-kanak didaftarkan di Daerah Temburong.

Dari jumlah tersebut seramai 1,940 orang murid-murid lelaki dan selebihnya 1,786 terdiri dari murid-murid perempuan. Pendaftaran murid-murid tersebut meliputi semua Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan yang berjumlah 112 buah.

Sekolah Rendah Kerajaan Berakas Garison mencatatkan pendaftaran kanak-





SEBAHAGIAN dari murid-murid yang baru bersekolah sedang masuk ke bilik darjah mereka dengan memakai pakaian sekolah

# ...AHAN

## ...baru ...ekolah

...elas berkenaan adalah ...ekali dengan 152 orang ...ni diikuti oleh Sekolah ...an Ahmad Tajuddin, Kuala ...a seramai 136 orang

...nak-kanak ke pra-sekolah ...pada hari Isnin lalu dan ...ingga pertengahan

...kap itu lagi murid-murid ...a untuk memasuki kelas ... daripada mereka yang ... lima tahun pada 1

...ikan yang diberikan di ...aan meliputi asas-asas ...M iaitu membaca, ...ira yang mana sistem ...lkan sejak tahun 1979.

...enjelaskan, pencapaian ... mata-mata pelajaran ...atlah memuaskan dan ...ayaannya sesuai ...n kurikulum pelajaran ...ingkat dari masa



KELIHATAN kanak-kanak yang baru bersekolah ini asyik bermain alat-alat sekolah dan sedang menyesuaikan diri sesama mereka (atas). Sementara gambar bawah kelihatan seorang anak yang tidak mahu berpisah dengan ibunya di hari pertama persekolahan.





KANAK-KANAK baru bersekolah sedang diajar dengan menggunakan sistem 3M (membaca, menulis dan mengira) atas.

SEORANG kanak-kanak yang tidak mahu berpisah dengan ibunya ketika hendak menghantar ke sekolah (kiri).

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU

## 15 JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ELECTRIC COMPANY
5.00 WILDLIFE ON ONE: "Sailing With Whales"
5.25 INSPECTOR GADGET
5.50 SILVER SPOONS: Ricky cuba memutuskan perhubungan dengan seorang gadis yang menyukainya. Perkara ini telah diselindungi oleh percubaan ayahnya untuk menyakinkan Kate bahawa tindakannya dengan bekas temanitanya itu bukanlah sebab untuk memutuskan perhubungan mereka.
6.00 BERITA AWAL
6.05 SILVER SPOON — sambungan
6.20 KUIZ KATA
6.26 AZAN MAGHRIB
6.31 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.41 KUIZ KATA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE A TEAM: "Knight Of The Road"
7.40 AZAN ISYAK
7.44 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.10 RENCANA TEMPATAN: "Jabatan Tanah"
9.30 ROAD TO WEMBLEY 1985/86 SEASONS
10.20 THREE'S COMPANY: "Maid To Order" Cindy terjumpa dua ratus lima puluh ringgit dalam bilik Jack. Wang itu sebenarnya kepunyaan Larry dan kerana beberapa kekeliruan Janet dan Teri menyangka kepunyaan Jack yang pernah mendakwa tidak mempunyai wang.
10.50 SIGHT AND SOUND IN CONCERT: Elvis-Graceland.
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS

## 16 JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 INVENTIVE BOY
5.45 WILDLIFE OF PAPUA NEW GUINEA: "Birds of Volcanoes: Kita menyaksikan burung-burung betina jenis Megapodius Freycinet, bertelur dan menetas di lubang-lubang tanah dekat sebuah gunung berapi yang masih aktif.
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILDLIFE OF PAPUA NEW GUINEA — sambungan
6.20 FRAGGLE ROCK
6.26 AZAN MAGHRIB
6.31 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.41 FRAGGLE ROCK — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 OTHERWORLD: "Princess Metra" Apabila keluarga Sterling tiba di daerah Metraplex, Gina telah disangka sebagai seorang puteri mereka yang telah lama hilang. Gina menggunakan kesempatan ini untuk mempercepat kepulangan mereka ke dunia asal mereka.
7.40 AZAN ISYAK
7.44 OTHERWORLD — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 SEMINAR KEFAHAMAN AQIDAH AHLI SUNNAH WAL-JEMAAH
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 DEMPSEY AND MAKEPEACE: "Hors De Combot"
10.30 ALLO ALLO
11.00 TAYANGAN GAMBAR: "Number One"
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT

## 17 JANUARI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SEMINAR KEFAHAMAN AQIDAH AHLI SUNNAH WAL-JEMAAH (Ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 SEMINAR KEFAHAMAN AQIDAH AHLI SUNNAH WAL-JEMAAH — sambungan

PETANG

1.00 STORY BREAK: "Arnold Of The Ducks"
1.25 STAR GAMES
2.00 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE: "Golden Disks of Knowledge"
2.30 TOMORROW'S WORLD
3.00 MIANI MIATU
3.15 CHARLIE AND COMPANY
3.53 AZAN ASAR
3.57 PESTA SUKAN MERDEKA
4.40 THE EDISON TWINS
5.20 THE WONDERFUL WORLD OF PLANT: "The Pact With The Insects"
5.50 HISTORY OF CLOTHING
6.00 BERITA AWAL
6.05 HISTORY OF CLOTHING — sambungan
6.20 KUIZ KATA
6.27 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.42 KUIZ KATA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AIRWOLF: "Flight 093 Is Missing"
7.40 AZAN ISYAK
7.44 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA TEMPATAN: "Hadiah" Bhg. III
10.00 HARDCASTLE AND McCORMICK: "Outlaw Champion" Hardcastle dan McCormick siap sedia untuk membantu johan pelumba kereta dunia E.C. Corlette yang mempunyai wang, nama dan kebolehan — tetapi dia dalam bahaya kehilangan segala-galanya termasuklah nyawanya.
10.50 KNOTS LANDING: "Lead Me To The Altar"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU

## 18 JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
5.50 IN THE WILD WITH HARRY BUTLER: "Barrow Island — The Living Laboratory"
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN THE WILD WITH HARRY BUTLER — sambungan
6.15 GAMES OF THE NATIONS: "Sri Lanka"
6.27 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.42 GAMES OF THE NATIONS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 T. J. HOOKER: "Hot Pursuit" Hooker ditegur hebat oleh seorang teman lamanya kerana mencederakan seorang pekerja bank yang mengandung ketika mengejar dua orang perompak.
7.41 AZAN ISYAK
7.45 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.10 MUZIKARAMA (SBC)
10.00 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: 'Kembang Semusim'
11.30 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Imitation Of Life" Kisah seorang balu muda, anak gadisnya, seorang ibu Negro yang baik hati dan juga anak gadisnya . . . dan persahabatan dan problem mereka. Pelakon-pelakon: Lana Turner, Sandra Dee, Susan Kohner, Robert Alda, Dan O'Herihy, Juanira Moore, dll.
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD

## 19 JANUARI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.07 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 ITALIAN SOCCER 1985/1986 SEASONS
12.33 AZAN ZUHUR
12.37 SOCCER — sambungan

PETANG

1.20 TAYANGAN GAMBAR: "Sitting Bull" Seorang Mejar Kavalri dituduh sebagai pengkhianat simpatatik terhadap Indians. Dia telah diampunkan oleh Presiden Amerika setelah Chief Sitting Bull membuat satu rayuan untuknya. Pelakon-pelakon: Dale Robertson, Mary Murpy, Jay Carrol Naish, John Litel, Bill Hopper, dll.
2.40 CHALLENGE OF THE GOBOTS
3.10 SHE-RA, THE PRINCESS OF POWER
3.40 DRAMA TEMPATAN: "Hadiah" Bhg. 3 (ulangan)
3.54 AZAN ASAR
6.58 DRAMA — sambungan
4.10 TRAPPER JOHN M.D.: "Long Ago And Far Away"
5.00 PRESTIGE: "The Tap Dance Kid"
5.50 RENCANA TEMPATAN: JKR — Bahagian Perkhidmatan Pengurusan-Pengurusan (ulangan)
6.00 BERITA AWAL
6.05 RENCANA TEMPATAN — sambungan
6.20 SMALL WONDER: "Ted's New Boss"
6.27 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.42 SMALL WONDER — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MacGRUDER AND LOUD
7.41 AZAN ISYAK
7.45 MacGRUDER AND LOUD — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 HIBURAN TEMPATAN — Potret Penyanyi
9.25 DOCUMENTARY
9.50 WHO'S THE BOSS?
10.15 SPACE
11.05 TALES OF THE UNEXPECTED: "Vorpal Blade" Satu perkelahian dalam tahun 20an memberi pengalaman pahit kepada yang terlibat. Seorang daripadanya telah menceritakan kisah itu kepada seorang kawannya yang menimbulkan satu rahsia yang mengejutkan.
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN

## 20 JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
5.00 CARTOONS
5.30 DOCUMENTARY: "Survival Special — Polar Bear"
6.00 BERITA AWAL
6.05 DOCUMENTARY — sambungan
6.15 BENSON: "Katie's Cousin"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.43 BENSON — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MATT HOUSTON: "Company Secrets"
7.41 AZAN ISYAK
7.45 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Beriani Arabian" Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.25 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY: SWEAT OF THE SUN, TEARS OF THE MOON: "Kings For A Day"
10.40 RETURN TO EDEN
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA

## 21 JANUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 MUPPET BABIES
5.00 KATE AND ALLIE
5.30 SNORKELS
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
6.43 THAT'S INCREDIBLE — sambunghn

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE FALL GUY: "I Love Paris"
7.41 AZAN ISYAK
7.45 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 ARENA SUKAN
9.30 RUMPUN BUDAYA: "Pesak Marus Temburong (ulangan)
9.55 MIAMI VICE: "Golden Triangle"
10.35 WRESTLING
11.25 SIARAN TAMAT.



GAMBAR helikopter bergelar Airwolf — khas untuk peminat-peminat siri rancangan AIRWOLF yang masih dapat ditonton setiap hari Jumaat kira-kira jam 7.20 malam.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

SIARAN Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F. M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei–Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei–Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.35 | Menuju Keredaan Allah |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Berita Sukan |
| 7.30 | Catatan Radio Hari Ini dan Esok |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio (SU) (Kecuali Hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 5.45 | Senandung Senja. |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah |
| 6.45 | Aqidah dan Rohani. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 | pagi | |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengah hari | |
| 1.30 | tengah hari | (Hari Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 | malam | |
| 10.00 | Ringkasan Berita. | |

**MENYIARKAN AZAN**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 15 JANUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/Penyanyi Harapan.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Kugiran Tanahair/Senandung Lagu-lagu Lama (SU), 4.30 — Ruangan Katani.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Belia Jaya.

### HARI KHAMIS 16 JANUARI

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar. 10.15 — Brunei Tanahairku (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Dialog Semasa, 2.15 — Hiburan Selingan, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Pertanian, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 17 JANUARI

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Hiburan, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.00 — Majalah Ugama (SU), 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 —Mekar Setaman, 3.15—Pertanian (SU), 3.45 — Kelab Pelajar Di Radio, 4.15 — Hiburan, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang/Mutiara Asli, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Hiburan Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

### HARI SABTU 18 JANUARI

PAGI: 9.00 — Keluarga Si Awang (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/Penyanyi Harapan.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan, 4.15 —Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang/Mutiara Asli, 8.45 Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 19 JANUARI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 11.30 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.15 — Brunei Tanahairku, 1.00 — Permintaan Dua Stesen/Pesta Ria.

PETANG: 2.00 — Dialog Semasa, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Juara Kugiran/Senandung Lagu-lagu Lama, 4.00 — Belia Jaya, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

### HARI ISNIN 20 JANUARI

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Kelab Pelajar Di Radio (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 21 JANUARI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 Pilihan Pendengar, 10.15 — Mekar Setaman (SU), 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: Senandung Lagu-lagu Lama/Kugiran Tanahair.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 3.15 — Seni dan Sastera, 3.30 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Hiburan Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.45 — Hiburan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 Vienna Philharmonic Orchestra Part II (continued)
9.00 Perspective — 50.
9.30 Talking About Music — 295/314.

### THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: Old World by Aleksei Arbuzor — The Story of an ancentic, ageing ex-circus girl and the elderly Doctor treating her at a Sanatorium.
9.30 Brian Fahey and His Big Band with Nick Curtis — 2/5.

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: Prayer for Progress
11.15 Light Music From The Netherlands — 736.
11.30 Children's Half Hour by Hassan Haji Sha'ari.

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: The Doonan Family

P.M.

1.15 Book Club: High Stakes by Dick Francis — 4/10.
1.30 Just for Variety by duty announcer.
2.30 Fifteen-Minute Theatre: The Dissolution of Dominic Beet by Tom Stoppard.
2.45 Those Were The Days — 6/12 (repeat)
3.15 Calling On You by Ak Hishamuddin
4.00 Chinese Programmes.
8.00 A Religious Talk (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: Mystery Tour by David Wheeler A comedy about a widow living alone in treatment.
9.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin.

### SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time.
8.30 Many A Slip—A panel game providing listeners with a balance mixture of fun and information — 126/153.
9.30 Top of The Pops — 1103.

### SUNDAY

A.M.

11.00 A Date With produced by Ak Hishamuddin.
11.35 A Feature: The Diplomats — 2/4.

NOON

12.00 Melody Makers Featuring Gypsy — 6/13.

P.M.

12.45 Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1103
1.30 Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari.
2.30 Just for variety by duty announcer.
3.30 Its All Yours produced by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Melody Makers Featuring Gypsy — 6/13 (repeat)
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Those Were The Days by Foo Chuan Pyng — 7/12

### MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Invisible Writing by Donald Chapman
8.45 The Arts Worldwide with Charan Kumar — 17/17.
9.30 String Sound.

### TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub.
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: R E M side 1 to 2.

### DAILY

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)
7.00 Brunei's AM. Weather Forecast
7.35 Tide Times presented by P A Hishamuddin
7.36 Brunei's Am (continued)
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued) Weather Forecast — repeat As we recall
2.00 Close for morning transmission on Mondays–Thursdays.
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays.
9.15 News.

# JIKA AWDA SUKA MENGEMBARA



## Berkhidmatlah sebagai Pramugara/ Pramugari dengan Diraja Brunei

**KELAYAKAN**

a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.

c) Kelulusan pelajaran sehingga tingkatan 5.

d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangnya setinggi 5′ 1″ (bagi perempuan) dan 5′ 5″ (bagi lelaki).

e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.

f) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

**FAEDAH-FAEDAHNYA**

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga $1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari berkerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk ditemuduga oleh pegawai pengambilan pada hari dan tempat di bawah ini :

A) Business Centre, RBA Plaza, Bandar Seri Begawan pada 18 Januari 86 di antara pukul 8.30 pagi — 12.00 tengah hari dan 1.30 petang — 4.30 petang.

B) Pejabat Penerbangan Diraja Brunei, Bangunan Hongkong & Shanghai Bank Chamber, Kuala Belait pada 16 Januari 86 di antara pukul 9.00 pagi — 12.00 tengah hari dan 1.30 petang — 4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubung dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu masa bekerja melalui telefon 02-32531 sambungan 512 atau 513.

**PERHATIAN** : Mereka yang telah datang pada pengambilan yang lalu tidak perlu menghadiri lagi.

**Royal Brunei**

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

CEBURILAH KERJAYA SEBAGAI PEGAWAI JANGKA PENDEK (SHORT SERVICES (COMMISSION) PENTADBIRAN JURUSAN-JURUSAN SEBAGAI PEGAWAI KENDERAAN, PEGAWAI GAJI DAN PEGAWAI KUATERMASTER (QM) DI DALAM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



PEGAWAI KENDERAAN



PEGAWAI GAJI



PEGAWAI KUATERMASTER

## SYARAT-SYARAT

UNTUK terpilih Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut : —

a. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran GCE peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya dan hendaklah lulus dalam Bahasa Inggeris, kelulusan dalam Ilmu Hisab dan mata-mata pelajaran Sains yang lain atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.

c. Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 17 Januari, 1986.

d. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 2 inci, berat badan tidak kurang 105 paun dan berbadan sihat.

LATIHAN ASAS PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK (SHORT SERVICES COMMISSION)

1. Lulus temuduga Badan Pemilihan Pegawai-Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
2. Latihan asas rekrut di dalam negeri selama 6 bulan.
3. Latihan Pegawai-Pegawai Kadet di luar negeri adalah seperti berikut Singapura, United Kingdom dan Australia sehingga ditauliahkan.
4. Memulakan kursus-kursus sebagai Pegawai Kenderaan, Pegawai Gaji dan Pegawai Kuatermaster (QM) dan seterusnya ditempatkan di unit-unit di seluruh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

TANGGAGAJI

| | |
|---|---|
| Pegawai Kadet dalam lantikan | $1,025.00 |
| Pegawai Kadet 6 bulan ke atas | $1,615.00 |
| Lt Muda | $1,795.00 |
| Lt | $2,135.00 |

Tidak termasuk kemudahan elaun-elaun yang ada disediakan.

ELAUN-ELAUN

| | | |
|---|---|---|
| Lt - | Ijazah lulus (BA) | $ 300.00 |
| | Ijazah lulus BA (Hon) | $ 500.00 |
| | Ijazah Kepujian | $ 700.00 |

BORANG-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada :

Pegawai Pengambilan ABDB,
Pusat Latihan,
Perkhemahan Bolkiah,
Negara Brunei Darussalam.
Telefon : 30531 samb.: 22111/22112

Borang permohonan Awang-Awang mestilah dihantar tidak lewat dari hari Jumaat 17 Januari, 1986.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI MERINYU JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai MERINYU HAL EHWAL UGAMA, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 088 14–188

**Tanggagaji:** E. 3 EB. 4 — $660-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur tidak kurang dari 20 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

c) Hendaklah tahu membaca dan menulis Jawi.

d) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan yang dinyatakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dalam urusan-urusan mahkamah atau hal-hal penyiasatan bolehlah juga dipertimbangkan.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussa'am dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 Februari, 1986.

Bilangan Pendaftaran: 171/1985.

(E/326/72)

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 3 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA ESTATE PERUMAHAN POLIS DAN BANGUNAN-BANGUNAN LAIN DI JALAN TUNGKU GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 22 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00

### BIL: JKR 4 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SATU BLOK RUMAH KELAS 'C' DUA BLOK (8 UNIT TIAP SATU) DAN SATU BLOK (10 UNIT) BARIK POLIS DI TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 22 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 5 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AD/RAM005

PEMBINAAN STESEN PETROL BAGI KELAB POLO DIRAJA BRUNEI, JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 23 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 27 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 6 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas:

PROJEK No.: 85AB/JKP005

CADANGAN PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK CACAT DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 29 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 7 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas:

PROJEK No.: 85AR/16000

MEMPERBAIKI KAWASAN BANJIR DI JALAN ONG SUM PING, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 25 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 29 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 8 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/3601

NOMINATED SUB-CONTRACT BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG RAK PENYIMPANAN UNTUK PEMBESARAN KAWASAN PENYIMPANAN BENGKEL RAPIER LOGISTIK SHELL DUCK, PERKHEMAHAN PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Saktu 25 Januari, 1986.

Tarikh tutup: 29 Januari, 1986.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

a. TAWARAN-tawaran hendakiah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari Isnin 3 Mac, 1986.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendakdaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjuk tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran adalah kehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

BIL.: PROC/T/21/1986
MEMBEKAL: WATER HEATER AND COOLER.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/22/1986
MEMBEKAL: REFRIGERATOR
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/23/1986
MEMBEKAL: KWALI COOKER AND ELEMENT.
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/24/1986
MEMBEKAL: FAN CEILING.
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/25/1986
MEMBEKAL: BOARD PLANNER.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/26/1986
MEMBEKAL: OUTBOARD MOTOR SPECIAL TOOLS.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/27/1986
MEMBEKAL: OUTBOARD MOTOR 25HP SPARES.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/28/1986
MEMBEKAL: OUTBOARD MOTOR 40HP SPARES.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/29/1986
MEMBEKAL: OUTBOARD MOTOR 115HP SPARES.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/30/1986
MEMBEKAL: OUTBOARD MOTOR 140VRO HP SPARES.
Cagaran: $100.00.

BIL.: PROC/T/31/1986
MEMBEKAL: MODEM TELEPRINTER.
Cagaran: $200.00.

BIL.: PROC/T/32/1986
MEMBEKAL: 400 FT SELF SUPPORTING TOWER.
Cagaran: $300.00.

BIL.: P/RC/1986
MEMBEKAL: MENGISI SEMULA (REFILLING) ALAT-ALAT PEMADAM API (KONTRAK) 2 TAHUN.
Cagaran: $300.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di tingkat empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 3 Februari, 1986 untuk:—

MEMBEKALKAN LENCANA PINGAT-PINGAT PENDERMA DARAH.

CAGARAN TAWARAN: $100.00 (TUNAI).

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat seperti berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| Isnin–Khamis | 8.30 pagi — 11.45 pagi | 2.00 petang — 3.30 petang |
| Sabtu | 8.30 pagi — 11.00 pagi | |

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat dengan membubuhkan perkara tawaran berkenaan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDERS FOR BLOOD DONORS BADGES, MEDALLIONS SHIELD

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Blood Donors Badge | 4,200 pcs |
| 2. | Blood Donors Gold Medallion | 500 pcs |
| 3. | Blood Donors Silver Medal | 1,400 pcs |
| 4. | Blood Donors Shield | 120 pcs |

N.B.: Sample of the above badge and medallion may be viewed at the Medical Headquarters, Account Section, Old Airport, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

All offers must be as per samples shown.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/01/1986
RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT — KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT IV

2.0 Dokumen tawaran oleh dilihat dan dilapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 15 Januari sehingga 17 Februari, 1986.

3.0 Kelayakan Pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: $10,000.00 + $150.00 (dokumen) + $100.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 10 Februari, 1986 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN UNTUK MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT TAHANAN

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Perbendaharaan, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 27 Januari, 1986 bagi:—

MEMBEKAL DAN MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI BESAR. WADAR-WADAR DAN BURUH-BURUH, JABATAN PUSAT TAHANAN, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SEPANJANG TAHUN 1986/1987.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap helai seluar dan baju seperti yang dikehendaki di dalam borang penawar dan butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk dan kain yang biasanya digunakan bolehlah didapati daripada Ibu Pejabat Pusat Tahanan, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.

3. Penawal yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekal setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh indent dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan berlak (sealed) serta ditandakan dengan terang "TAWARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT TAHANAN." Nama-nama penawar tidak boleh ditulis di luar sampul surat tersebut.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICES

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam. Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

Negara Brunei Darussalam,
Jabatan Kementerian Kewangan
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

By 12.00 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be obtained from:—

Head of Logistics and Procurement
Police Headquarters
Gadong

**TENDER No.: 2/1986**
SUPPLY OF RECHARGEABLE NICKEL — CADMIUM
(Closing Date — 3rd February, 1986)

**TENDER No.: 3/1986**
STRAPPING MACHINE — MODEL SP505
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 4/1986**
SUPPLY OF POWERJET REVERSING EQUIPMENT
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 5/1986**
PROPELLORS AND RUDDERS
(Closing Date — 3rd February, 1986)

**TENDER No.: 6/1986**
SUPPLY FOR TIMBER PRODUCTS
(Closing Date — 3rd February, 1986)

**TENDER No.: 7/1986**
SUPPLY OF ELECTRICAL COMPONENTS
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 8/1986**
SUPPLY OF EPIGLASS
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 9/1986**
6V53 DETROIT DIESEL ENGINES
Model: 5062-7000 Unit No. 6D0234819 6D0234798
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 10/1986**
SUPPLY OF SIMPSON LAWRENCE MARINE FITTINGS
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 11/1986**
Equipment: Main Engines PDB 01,02,04 and 06
Model: Ford Sabres 180/210
Manufacturer: Sabre Marine Engines Ltd.
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 12/1986**
Equipment: MTU Engines (for PDB 05,08 and 09)
Model: MTU 8V 331 TC 81
Manufacturer: MTU
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 13/1986**
Equipment: 140 HP
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 14/1986**
Equipment: Johnson Outboard Engine 90-115-140 HP
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 15/1986**
Equipment: 25HP Johnson Spares
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 16/1986**
40HP JOHNSON SPARES
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 17/1986**
SPARES FOR HAND-HELD TRANSCEIVER
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 18/1986**
Equipment: SPARES FOR TARGET, TRAFFIC RADAR AND COMMUNICATION RECORDER
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 19/1986**
KUSTOM CONSOLE ELECTRONIC 006-0150-00
KUSTOM QUALITY ELECTRONIC
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 20/1986**
RS COMPONENTS AND MISCELLANEOUS ITEMS
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 21/1986**
SPARES OF MOBILE AND FIXED STATION
(Closing Date — 3rd March, 1986)

**TENDER No.: 22/1986**
VHF GLASS FIBRE ENCLOSED COLINEAR ANTENNA
(C osing Date — 3rd February, 1986)

**TENDER No.: 23/1986**
MOTOROLA COMPA II REPEATER STATION.
(C osing Date — 3rd February, 1986)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL.: PPL/MTB/282/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 14 BLOK KELAS "F" RUMAH PANGSA DI KAMPONG KIARONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 22 Januari 1986 (hari Rabu jam 12.00 tengah hari:

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/05/1986**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar dari JKR 'AX' dan 'A' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 4, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 29 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

CONSTRUCTION OF PLATFORM FOR THE PROPOSED 11KV SUBSTATION AT KAMPONG UJONG TANJONG (KAMPONG AYER)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut ada ah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/06/1986**

TAWARAN-tawaran ada ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 29 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BAGI MEMBERSIHKAN PEJABAT ELEKTRIK MUARA DAN KAWASAN-KAWASAN JANAKUASA LAMA DAN STESEN ELEKTRIK 66KV MUARA.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/07/1986**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 29 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BAGI MEMBERSIHKAN KAWASAN-KAWASAN JANAKUASA FLOTILLA MUARA.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh ah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

## GURKHA RESERVE UNIT TENDER NOTICE

(GRU/LOG/9C)

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Kementerian Kewangan Jalan James Pearce. Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon Monday 17 Feb, 1986 for the supply of:—

"COMMODITIES FOR GURKHA CHILDREN'S SCHOOL FEEDING SCHEME." Commencing 1st. May, 1986.

2. Tender documents are obtainable from Headquarters, Gurkha Reserve Unit, Sungai Akar Camp, Bandar Seri Begawan.

3. Prices qouted to include delivery to Gurkha Children School, Istana Edinburgh. Jalan Berakas on daily basis.

4. Tenders must be contained in a plain sealed envelope should be marked 'SUPPLY OF COMMODITIES FOR GURKHA CHILDREN SCHOOL FEEDING SCHEME" in the top left hand corner.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

PROJECT No.: P 1133

1 TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with Class A or B Classifications.

2 The said tenders are for construction of FOOTWAY JOINT BOXES EXCAVATION AND LAYING OF DUCTS AND CABLES ERECTION OF POLES AERIAL CABLES AND DISTRIBUTION POLES.

3 Tenders should be placed in the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance, Ja'an James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on Monday 27th January, 1986. Any tenders received later than this will be rejected.

4 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:

CENTRAL/JLN GADONG DA 5/2
DISTRIBUTION ALTERATION OF S.R.

5 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussa'am upon a deposit of $300.00 which will be refunded to a'l unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6 The Government of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7 Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on 18th January, 1986 at the Ground Floor, Telephone House, Telecoms Headquarters Bandar Seri Begawan. Tenders will not be accepted from Contractors who have not attended the joint on site inspection.



AWANG Morsidi Haji Akip, peserta dari Negara Brunei Darussalam di Simposium Arca ASEAN Ke-4 menerangkan mengenai dengan bentuk arca ciptaannya kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sambil diperhatikan oleh Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

# Simposium Arca ASEAN ke-4 diadakan di sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Morsidi Haji Akip, 32, seorang Pegawai Pelajaran terpilih mewakili negara ini mengikuti Simposium Arca ASEAN Ke-4 bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' yang sedang berlangsung sekarang di sini.

Awang Morsidi ketika ditemui di Majlis Pembukaan Rasmi Simposium berkenaan di Persiaran Damuan, Batu 3, Jalan Tutong pada pagi Khamis lepas, menjelaskan, beliau akan membentuk sebuah arca bertajuk 'The World of ASEAN, (Dunia ASEAN).

Katanya, arca itu merupakan cantuman objek-objek empat segi yang saling bersambung, melambangkan permulaan pembentukan ASEAN dan perkembangannya.

Menurutnya, arca itu akan dibina dari kepingan logam dengan ketinggian 15 kaki 6 inci, lebarnya 20 kaki dan panjangnya 32 kaki.

Awang Morsidi, seorang lulusan B.A. (Hons) Fine Art (Sculpture), United Kingdom dan Diploma Pendidikan adalah wakil kedua negara ini ke simposium seumpama itu.

Sebelum ini, di Simposium Arca ASEAN Ke-3 di Jakarta dalam tahun 1984 yang bertemakan 'Gambaran Semangat ASEAN Dalam Bidang Seni', negara ini telah diwakili oleh Awang Haji Latif bin Aspar yang membina arca bertajuk 'HARMONI'. Arca itu bersama dengan lima arca negara ASEAN yang lain kini diabadikan di Taman Surapati.

Lima buah negara ASEAN yang lain juga telah menghantar wakil masing-masing ke simposium ini yang berlangsung selama 45 hari.

Malaysia diwakili oleh Awang Latiff Mohiddin, 47, seorang penyair, pengarca dan pelukis. Beliau akan membentuk arca yang diberi nama 'The Emerging Kubah (Domes)' dengan ketinggian 3.04 meter, 4.5 meter panjang dan 1.2 meter lebar.

Oleh Abd. Karim HAB

Manakala Indonesia pula diwakili oleh Awang Husna, 40, seorang pengarca bebas yang akan membina arca bertajuk 'The Goals of ASEAN' yang tingginya 3 meter dan lebarnya 1½ meter.

Sementara Filipina pula diwakili oleh Awang Eduardo Castrillo, 43, seorang pengarca, pelukis dan pengukir permata. Beliau akan membentuk arca bertajuk 'Brunei Entelechy' yang tingginya 6.46 meter, 6.46 meter lebar dan 10.46 meter panjang.

Awang Micheal Ong Chu Kheng, 43, seorang pengukir arca dan pereka adalah wakil Republik Singapura yang akan membina arca bertajuk 'United Profile'.

Negara Thailand pula diwakili oleh Awang Saravuth Daungjumpa, 33, seorang guru akan membina arca bertajuk 'Movement' yang dibentuk dari keluli, tembaga dan besi.

Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Mohd. Jadid, Ketua Sekretariat dalam sidang akhbarnya baru-baru ini berkata, setiap peserta simposium itu akan dibantu oleh empat orang pelajar dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah.

Katanya, arca-arca yang dibina itu dijangka siap pada 22 Februari depan.

Selain dari bertugas menyiapkan arca-arca masing-masing para peserta juga akan menyampaikan ceramah mengenai seni ukir.

Pada 20 Januari, Awang Latiff Mohiddin dari Malaysia akan memberi ceramah bertajuk 'Dari Ukiran Tradisi Ke Arca Moden'. Manakala Awang Husna dari Indonesia akan memberikan ceramah bertajuk 'Forms & Movement of Sculpture'.

Manakala pada 27 Januari peserta Filipina, Awang Edurado Castrillo akan menyampaikan ceramah mengenai 'Environmental Sculpture' dan 'Contemporary Art In South East Asia'.

Sementara Awang Morsidi Haji Akip akan memberikan ceramah mengenai 'Islamic Attitude Torwards Art' dan Awang Saravudth Duangjumpa dari Thailand pula akan menyampaikan ceramah 'Experiences of A Sculptor'.

Peserta Singapura, Awang Micheal Ong akan menyampaikan ceramah 'Selected Works of Singapore Sculptors'.

Menurut Pengiran Hashim, semua ceramah akan berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dan bermula pukul dua petang.

Di samping itu para peserta juga akan berpeluang melawat ke pelbagai tempat-tempat menarik di negara ini.

Beliau menjelaskan, simposium yang pertama telah diadakan pada tahun 1981 di Port Canning Park, Singapura, yang kedua dalam tahun 1983 di Chatujak Park, Thailand dan kali yang ketiga di Taman Ismail Marzuki, Indonesia dalam tahun 1984.

## BERPINDAH KE BANGUNAN BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Pendaftaran Kebangsaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di ibu negara kini telah berpindah ke Tingkat 2, Bangunan Plaza Tumasek, Batu Satu Jalan Tutong.

Bahagian Pendaftaran Kebangsaan itu mengendalikan pengeluaran kad-kad pengenalan. Penerimaan pengendalian tersebut dibuka untuk orang ramai dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.45 tengah hari hingga 3.45 petang, pada hari-hari bekerja. Nombor-nombor telefon bahagian tersebut ialah 29107 dan 29108.

Ruang lama Bahagian Pendaftaran Kebangsaan digunakan oleh Bahagian Visa jabatan tersebut.

# SESUAIKAN AKTIVITI DGN DASAR KEMAJUAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia diingatkan supaya mengubah corak aktivitinya sesuai dengan dasar pembangunan negara ke arah yang lebih berkesan selaras dengan Rancangan Kemajuan Negara Kelima.

Rancangan Kemajuan Negara Kelima itu telah banyak menyusun program-program bagi menggalakkan penyertaan belia-belia di negara ini bersama bertanggungjawab dan sentiasa mendukung program pembangunan itu.

Perkara itu telah ditekankan oleh bekas Yang Dipertua MBB, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain semasa memberikan ucapan dasarnya di Kongres Agung Perwakilan baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu Yang Dimuliakan berpendapat MBB tidak lagi perlu menumpukan rancangan dalam aktiviti-aktiviti yang bermusim atau "ceremonial oriented" tetapi hendaklah mengubah kepada penyertaan itu ke bidang pembangunan atau 'development oriented' seperti bidang pertanian, perindustrian dan teknikal.

Perubahan dari perkara tradisional kepada satu perubahan yang baru bukanlah senang, jelasnya. Ini memerlukan dedikasi dan bekerja kuat bukan sahaja di peringkat akar umbi tetapi di peringkat kebangsaan di samping memerlukan pemimpin-pemimpin yang baru yang berkelibar dan menerima sokongan dari masyarakat, swasta dan agensi-agensi berkenaan.

Katanya pendirian yang saya harapkan adalah sangat relevan kerana statistik membuktikan kaum belia adalah golongan majoriti di negara ini.

Rancangan Kemajuan Negara Kelima yang baru diisytiharkan itu tambahnya membawa kita lebih terlibat dalam proses pembangunan negara khususnya dalam rancangan tenaga manusia bukan seperti kongres ke-24 tahun lalu hanya menyentuh bidang-bidang aktiviti-aktiviti belia.

Dengan adanya penyertaan kaum belia dalam persidangan atau seminar antarabangsa dan serantau sudah tentunya akan membawa kita ke arah satu kesedaran atas realisasi perkembangan belia semasa yang semakin memerlukan kemahiran dan komitmen yang mendalam.

Yang Dimuliakan Pehin berseru kepada pucuk pimpinan yang baru akan mempunyai tanggungjawab terhadap bangsa terutama kaum belia demi untuk meninggikan perkembangan sosio ekonomi, ugama, adat resam dan kebudayaan sebagaimana yang termaktub dalam matlamat MBB di pelembagaannya.

Berhubung dengan itu Yang Dimuliakan Pehin

Oleh Dk. Fatimah PHMN.

melahirkan harapan agar MBB akan terus mengekalkan identiti terhadap penglibatannya dengan agensi-agensi serantau dan antarabangsa dalam ertikata penglibatannya terhadap proses pembangunan negara.

Prestasi MBB dalam tempoh 25 tahun ini jelasnya telah memberi idea dan pemikiran ke arah pembangunan dan mendidik pemimpin-pemimpin di negara ini di ketiga-tiga peringkat iaitu peringkat persatuan, peringkat daerah dan kebangsaan.

# Jawatankuasa baru MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 150 orang perwakilan-perwakilan belia dari 36 buah pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan telah menghadiri Kongres Agung Perwakilan Majlis Belia-Belia Brunei yang ke-25 bertempat di Pusat Belia pada Ahad, 12 Januari 1986.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Abdullah, johan qari pertandingan Al-Quran bagi belia-belia peringkat negeri tahun 1982.

Kongres itu dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abd Rahim terdahulu dari ucapan dasar telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Belia-belia Brunei bagi tahun 1984/85, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

Dalam persidangan, kongres itu telah memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat sebagai pucuk pimpinan yang baru tahun 1986-87 seperti berikut :—

Yang Dipertua, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani; Timbalan Yang Dipertua, Awang Haji Mohammad bin Haji Serud-din; Setiausaha Agung Tertinggi, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid; Pengerusi Tetap Tertinggi, Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar; Bendahari Agung Tertinggi, Awang Haji Ahmad bin Kadi.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof memukul gong sebagai tanda perasmian Kongres Agung Perwakilan MBB. — Gambar oleh Abdullah Awang Damit.

Dari muka 1

punan Belia Sedunia dan Majlis Belia Asian katanya akan setentunya mempunyai sikap berani, tegas serta menghargai kehormatan diri untuk menyertai sebarang pergerakan belia antarabangsa untuk menjadi contoh kepada belia-belia di masa akan datang.

Sehubungan dengan itu Yang Amat Mulia berseru kepada para perwakilan belia yang mewakili berbagai persidangan antarabangsa yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan di peringkat ini akan dapat menyalurkan segala apa-apa yang diperolehi daripada persidangan itu kepada agensi-agensi kerajaan yang ada kaitannya dengan kemajuan belia dalam memberikan bantuan yang berkebajikan kepada MBB dan kerabat belia.

Yang Amat Mulia juga mengharapkan kepada MBB bukan hanya terikat kepada pendedahan kegiatan semata-mata tetapi memberikan tunjuk ajar kepada belia-belia negara ini supaya menjauhkan diri mereka dari sebarang gejala-gejala yang durjana dan seterusnya menghancurleburkan negara dan masa depan belia.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.